


**Jilid I  
Bil. 41**



**Hari Isnin  
11hb Februari, 1991**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 6017]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) [Ruangan 6059]**

**Rang Undang-undang Audit (Pindaan) [Ruangan 6090]**

**Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Pencen [Ruangan 6108]**

### **USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebas daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 6139]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ DATO' K. KUMARAN (Tapah).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Isnin, 11hb Februari, 1991
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

RISDA—ROMBAKAN  
ORGANISASI

1. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah  
minta Menteri Pembangunan Luar  
Bandar menyatakan:

- (a) sejak RISDA merombak semula organisasi pejabat RISDA di negeri-negeri, berapa banyakkah pejabat-pejabat RISDA diwujudkan di seluruh negara dan apakah kesannya kepada pekebun-pekebun; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk meluaskan aktiviti-aktiviti RISDA ke dalam bidang-bidang perniagaan dan perkilangan yang lain, kalau bercadang, apakah bidang-bidang perniagaan dan perkilangan yang akan diceburi.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas penyusunan semula organisasi RISDA terdapat 11 buah Pejabat RISDA Negeri dan 60 buah Pejabat

RISDA Daerah-daerah yang telah diwujudkan.

Berkaitan dengan kesannya ke atas pekebun kecil pula, adalah dimaklumkan bahawa terdapat kesan positif hasil daripada perwujudan pejabat-pejabat tersebut. Pada masa ini semua urusan permohonan tanam semula, kelulusan dan bayaran ansuran bantuan dibuat di peringkat daerah masing-masing. Semua bayaran pula dikreditkan terus kepada akaun pekebun-pekebun kecil berkenaan di bank yang mereka pilih. Di samping itu, setiap daerah mempunyai stor input-input pertanian bagi mempercepat dan mempermudah bekalan kepada pekebun-pekebun kecil. Bagi maksud ini, semua Pejabat RISDA Daerah telah dibekalkan dengan komputer dengan tujuan untuk memodenkan pentadbiran pejabat RISDA bagi melicinkan kerja-kerja pentadbiran dan juga untuk pengumpulan dan merekod maklumat mengenai pembangunan pekebun kecil daerah berkenaan.

- (b) Sukacita dimaklumkan bahawa aktiviti RISDA adalah tidak meliputi bidang-bidang perniagaan dan perkilangan.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita baru dengar bahawa aktiviti RISDA tidak meliputi perdagangan, namun demikian adakah Kerajaan akan terus membangun

dan membantu masyarakat luar bandar ini dengan menjadi ataupun menawarkan sebagai sifat mangkin atau catalyst kepada pengwujudan-pengwujudan industri-industri kecil dan sederhana yang berasaskan getah sebagai sifat mangkin. Kalau tidak RISDA sendiri mewujudkannya, tetapi menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil dan sederhana ini yang berasaskan kepada getah.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sama-sama telah maklum bahawa RISDA memang berperanan untuk membangunkan masyarakat pekebun kecil dan program-program pembangunan pekebun-pekebun kecil di dalam bidang-bidang yang lain, selain daripada menumpukan tenaga dan perhatian mereka kepada kerja menoreh getah ataupun bertani adalah dijuruskan ataupun diberikan peluang-peluang dan juga kesempatan-kesempatan bagi membolehkan masyarakat pekebun kecil dapat memindahkan masa yang terluang, tenaga yang bertambah banyak di sektor pertanian di luar bandar ini bagi membolehkan tenaga yang berlebihan ini untuk mengadakan kegiatan di dalam perusahaan-perusahaan kecil-kecilan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kenapakah soal perbadanan RISDA dan KESEDAR tidak disatukan? Mengapa tidak boleh berbuat demikian?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham . . . .

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Kalau tidak faham, saya ulang kembali. RISDA dan KESEDAR itu kenapa tidak disatukan aktiviti?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedua-

duanya ini mempunyai peranan yang agak berbeza dari segi matlamat dan pendekatannya. Maka itu tidak mungkin di peringkat ini ia disatukan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Lim Guan Eng tidak hadir)*

### PENEMPATAN PESAWAT TENTERA UDARA AUSTRALIA DI BUTTERWORTH

**3. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah "rationale" Kerajaan Malaysia terus membenarkan tentera udara Australia (Royal Australian Air Force) menempatkan pesawat-pesawat pejuang FA-18 secara bergiliran di Butterworth untuk sekurang-kurangnya 16 minggu setahun;
- (b) kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Malaysia kerana penempatan pesawat-pesawat RAAF tersebut; dan
- (c) adakah ini bertentangan dengan konsep "ZOPFAN" (Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali) yang sering dilaung-laungkan oleh Kerajaan Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penempatan pesawat-pesawat Tentera Udara Australia di Butterworth adalah perlu bagi membiasakan anggota-anggota dan juruterbang pesawat-pesawatnya dengan ruang angkasa negara dalam konteks kerjasama di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara. Australian Air Force juga adalah

anggota IADS di mana anggota-anggota dan pesawatnya mengambil bahagian dalam exercise-exercise yang dijalankan di negara kita pada tiap-tiap tahun.

- (b) Penempatan Tentera Udara Australia di Butterworth tidak melibatkan sebarang perbelanjaan Kerajaan Malaysia. Semua kos penempatan ditanggung oleh Kerajaan Australia.
- (c) Perjanjian FPDA dan penubuhan IADS adalah bagi menguatkan pertahanan Malaysia dan Singapura. Dengan secara tidak langsung, ini membantu kestabilan rantau Asia Tenggara, iaitu salah satu objektif ZOPFAN.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerjasama itu kerana tidak ada keupayaan ataupun tidak kemampuan dan tidak mencukupi dari segi pertahanan udara kita?

Yang kedua, adakah kita juga akan terikat membantu Australia sekiranya negara tersebut diserang?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kena-mengena Peraturan Pertahanan Lima Negara ini dengan tidak keupayaan kita dalam mempertahankan negara kita. Sebenarnya, Peraturan Pertahanan Lima Negara yang diwujudkan bagi lima buah negara ini bertujuan untuk bekerjasama dalam bidang-bidang keselamatan bersama.

Bagi soalan yang kedua, perkara ini tidaklah timbul kerana kerjasama di antara ke lima-lima buah negara ini adalah bertujuan untuk mendapatkan satu faedah bersama daripada perkara-perkara yang dapat disumbangkan oleh tiap-tiap buah negara yang terlibat.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah rancangan jangka panjang oleh Kerajaan kita terhadap Butterworth Base ini selain daripada penempatan pesawat pejuang daripada Australian Air Force?

Yang kedua, sama ada TUDM kita ini sedang menggunakan base ini untuk kegiatan Tentera Udara kita?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, jangka panjang kita adalah terpulang kepada pihak Tentera Udara Australia sampai bila mereka ingin menggunakan tempat ini dalam Peraturan Pertahanan Lima Negara kita ini.

Bagi yang kedua itu, pada masa ini kita tidak menggunakan pangkalan ini kerana kita mempunyai pangkalan yang cukup di sebelah utara.

#### ISU KEAGAMAAN/PERKAUMAN SEMASA PILIHANRAYA UMUM LALU

**4. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Menteri sedar bahawa ketika pilihanraya umum lalu, ucapan dan kenyataan pemimpin-pemimpin parti komponen Kerajaan telah membangkitkan isu-isu keagamaan dan perkauman sehingga ke tahap yang melebihi alasan yang pernah digunakan oleh Menteri bagi menangkap dan menahan beberapa anggota parti pembangkang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam Operasi Lalang dahulu; dan
- (b) jika benar, apakah langkah wajar yang diambil oleh Menteri selanjutnya. Jika tidak, apakah

Menteri berhajat untuk memulakan penyiasatan dan membentangkan laporan siasatan ke sidang Dewan Rakyat akan datang.

**Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dalam negara seperti Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan, kita tidak dapat mengelakkan keadaan di mana adakalanya isu-isu keagamaan dan perkauman akan ditimbulkan. Yang menjadi masalah utama ialah isu-isu sensitif yang bercorak perkauman ini telah diambil kesempatan dan dieksploitasikan secara berterusan dan sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak berkenaan yang begitu ghairah tanpa menghiraukan kesannya ke atas keharmonian kaum dan ketenteraman awam sehingga membawa kepada suasana dan keadaan yang amat genting. Sekiranya pihak Kerajaan tidak mengambil tindakan awal dan tegas untuk meredakan suasana, besar kemungkinan akan tercetusnya keadaan huru-hara yang akan menjejaskan kehidupan awam, serta mungkin melibatkan pertumpahan darah dan kerosakan harta benda. Begitulah suasana kecemasan dan ketegangan yang menyelubungi persekitaran penangkapan dan penahanan beberapa orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada bulan Oktober dan November 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri maklum bahawa bukan hanya anggota-anggota parti Pembangkang yang telah ditangkap dan ditahan

semasa Operasi Lalang tersebut, tetapi juga seramai 14 orang pemimpin daripada komponen parti Kerajaan turut terlibat. Ini semua menunjukkan bahawa Kerajaan tidak bertolak ansur dalam perkara-perkara yang boleh menimbulkan ancaman dan mengganggu-gugat kestabilan, ketenteraman awam dan keselamatan negara dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak mengikut undang-undang.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memberi perhatian ke atas pemeliharaan keamanan dan kestabilan dalam negara. Ianya merupakan kunci kepada kemajuan pembangunan negara dalam semua bidang kehidupan rakyat. Oleh sebab itu, Kerajaan sentiasa berwaspada dan memberi perhatian supaya tidak ada perkara-perkara yang boleh menjejaskan dan mengancam keamanan dan keharmonian di negara ini. Kerajaan akan terus bersikap tegas untuk memastikan bahawa langkah-langkah yang perlu di sisi undang-undang diambil demi untuk memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara, serta untuk menjaga kesejahteraan kehidupan rakyat.

Atas dasar ini, tidak timbul soal untuk memulakan penyiasatan atau membentangkan laporan ke sidang Dewan Rakyat seperti yang dibangkitkan kerana Kerajaan dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menilai sesuatu keadaan dan mengikut penilaian ini Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang diperlukan darinya untuk menjaga keamanan dalam negara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam pilihanraya besar baru-baru ini pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, khususnya daripada UMNO ada membangkitkan hal-hal sensitif mengenai isu perkauman dan agama, khususnya dalam peringkat terakhir kempen pilihanraya besar yang memutarbelitkan perkara-perkara agama dan kaum dengan dusta dan fitnah dan sangat . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Soalannya?

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . untuk menghasut pengundi-pengundi, adakah Kerajaan atau pihak Polis yang mengikut jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertanggungjawab untuk memelihara keamanan, pernah mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin tersebut, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang ada buat ucapan yang menghasut agama, . . . .

**Seorang Ahli: Betul!**

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . dan perkauman dan sebaliknya bukannya benar bahawa parti Pembangkang yang bertanggungjawab, yang tidak menggunakan isu-isu perkauman dan isu-isu agama? (*Disampuk*) Adakah Kerajaan atau pihak Polis ada, dengan izin, "double standard" di mana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional boleh dengan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . sewenang-wenangnya membuat . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar!

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . sama ada ada "double standard". Itu soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Terlalu panjang soalan Yang Berhormat. Ini buat ucapan. Sila pendekkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di sini, mereka berharap boleh dapat promosi. (*Tepuk*) Ah! tidak perlulah, dan adakah Kerajaan ada "double standard". Semacam Operasi Lalang, bukannya benar bahawa mereka yang dalam Barisan Nasional yang telah kena tangkap ialah mereka yang bawahan, bukan Menteri-menteri yang sebenarnya bertanggungjawab untuk menghasutkan rakyat pada masa itu? Dan dalam pilihanraya besar baru-baru ini . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . bukannya ini lagi satu contoh bahawa Kerajaan Barisan Nasional ada "double standard" di mana mereka sendiri boleh buat ucapan hasutan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan bukannya ini menunjukkan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya katakan soalnya terlalu panjang.

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . akhirnya bukannya ini menunjukkan bahawa pihak Polis ini tidak bebas? (*Tepuk*)

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maafkan Ahli Yang Berhormat itu kerana bila dia hendak buat soalan, di antara soalan dengan

ucapan, dia pun tidak tahu. (*Tepuk*) Kalau hendak tanya soalan, boleh tanya dalam cara yang ringkas dan saya boleh jawab dengan cara yang sepenuhnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** "Double standard."

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, jangan menyampuk.

**Perdana Menteri:** Tetapi ini hendak tanya pun tidak tahu, peraturan-peraturan pun tidak tahu, tidak hormat Tuan Yang di-Pertua sendiri. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, penilaian terhadap sesuatu kejadian dibuat oleh pihak yang ditugaskan, iaitu pihak Polis dan lain-lain pihak yang diberi tanggungjawab. Pihak Menteri mendapat nasihat daripada pihak Polis tentang apa yang harus dibuat dan mengikut kuasa yang diberi kepada Menteri maka kuasa itu akan digunakan.

Dalam pilihanraya baru-baru ini, terdapat banyak peristiwa-peristiwa yang memungkinkan kita menangkap pemimpin-pemimpin parti lawan yang membuat ucapan, baik daripada parti Ahli Yang Berhormat ataupun parti kawan rapatnya itu daripada Parti Islam. Tetapi kita tidak membuat demikian, kerana pada pendirian penilaian pihak Polis, ia tidak sampai ke tahap merbahaya.

Pada tahun 1987, sepertimana kita semua sedar, ketegangan amat ketara sekali sehingga kita dapati sudah ada orang-orang yang membeli barang makanan untuk menyimpan kerana takut rusuhan berlaku di Kuala Lumpur. Ada juga orang-orang yang sudahpun lari daripada Kuala Lumpur. Sebanyak 20,000 orang pergi ke Singapura kerana takut ada rusuhan di Kuala Lumpur. Ada juga orang yang tidak mahu hantar anak mereka ke sekolah kerana takut rusuhan di sekolah.

Pada ketika itu oleh kerana jelas keadaan sudah tegang maka kita mengambil tindakan dan kita menangkap orang yang terlibat sama ada dia pemimpin ataupun tidak, itu bukan menjadi soal. Kalau pemimpin terlibat, kita biasa menangkap pemimpin dan mendakwa mereka dalam mahkamah walaupun mereka menjadi Menteri Besar dan sebagainya. Kita biasa mengambil tindakan terhadap Menteri dalam Kabinet sekali pun. Tetapi apabila Menteri dalam Kabinet diambil tindakan, tentulah dia pula menyebelahi kepada parti lawan. Jadi, pada ketika itu daripada dianya menjadi syaitan sudah menjadi malaikat pada pandangan parti lawan. Jadi, ini tentu tidak dapat memuaskan hati anggota parti lawan sampai bila-bila pun. Hanya satu cara sahaja untuk dia menyelesaikan masalah ini, dia boleh menyakinkan rakyat di negara ini bahawa dia adalah pemimpin yang tidak diasaskan kepada perkauman dan rakyat memilih dia menjadi Perdana Menteri. Pada ketika itu dia boleh tangkap saya, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tumpat. Beri jalan, Marang.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana di antara ucapan-ucapan yang tersebut disampaikan dalam upacara-upacara rasmi seperti perasmian bangunan Kerajaan ataupun perasmian pesta yang dianjurkan dalam masa pilihanraya, apakah tindakan yang diambil ke atas pemimpin Kerajaan yang menyalahgunakan majlis perasmian itu ataupun dibiarkan begitu sahaja?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada penyalahgunaan kuasa oleh pihak pemimpin Kerajaan, kerana apa yang diperkatakan pada masa itu adalah tepat pada masa itu. (*Tepuk*)

### RANCANGAN PENEMPATAN TUKUN TIRUAN

**5. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) kedudukan rancangan penempatan tukun tiruan dan nyatakan bilangan tayar terpakai yang telah digunakan serta lokasi-lokasi yang telah ditempatkan;
- (b) berapa peratus peningkatan hasil tangkapan setelah rancangan penempatan tukun tiruan dijalankan; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang untuk menggiatkan lagi rancangan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini terdapat 54 tapak tukun tiruan daripada tayar yang telah diwujudkan di Semenanjung Malaysia. Jumlah tayar yang ditempatkan di tapak-tapak tersebut ialah lebih kurang 1.5 juta biji sementara jumlah yang telah dikumpulkan sehingga kini ialah sebanyak 1.7 juta biji. Selain daripada tukun dari tayar, Jabatan Perikanan juga telah membina tukun dari konkrit, bot rampasan dan bot buruk. Antara lokasi-lokasi tukun tiruan ialah di Pulau Payar, Kedah; di Pulau Aman, Pulau Pinang; di Pulau Agas, Perak; di Pulau Angsa, Selangor; di Pulau Besar, Melaka; di Pulau Pisang, Johor; di Kuala Rompin, Pahang; di Pulau Ekor Tebu, Terengganu dan di Kuala Semerak, Kelantan.

(b) Dari pemerhatian awal dan berasaskan percubaan di negara-negara lain, didapati pembinaan tukun tiruan dapat menambah kawasan pembiakan ikan. Mengikut nelayan di kawasan-kawasan yang berkenaan terdapat sumber yang baik dan hasil tangkapan juga meningkat. Jenis-jenis ikan yang banyak didapati ialah seperti ikan kerapu, ikan merah, ikan jenahak dan lain-lain. Walau bagaimanapun, tahap peningkatan tidak dapat diukur memandangkan kesulitan bagi mendapatkan data.

(c) Kementerian Pertanian memang bercadang untuk meneruskan projek ini dengan menambah bilangan tapak tukun tiruan dan membesarkan tapak-tapak yang sedia ada sehingga 60,000 biji tayar untuk satu-satu tapak. Ini memandangkan sambutan dan sokongan yang baik serta permintaan dari persatuan nelayan dan nelayan sendiri supaya tukun tiruan dibina di kawasan mereka.

**Tuan Haji Ishak bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada usaha gigih yang dibuat oleh pihak Kementerian, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu dari segi penglibatan syarikat-syarikat persendirian yang terlibat dengan industri ikan di negara ini yang turut membantu mewujudkan tukun-tukun tiruan.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini penglibatan daripada syarikat-syarikat asing ataupun tempatan dalam pembinaan tukun tiruan belum lagi ada.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendapat tahu bahawa terdapat juga tukun-tukun tiruan ini rosak. Jadi, saya ingin tahu daripada

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapa peratuskah dari tukun-tukun tiruan yang telah dibina ini adalah didapati rosak dan apakah punca yang menyebabkan kerosakan kepada tukun-tukun tersebut?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, peratus kerosakan tukun-tukun tiruan ini terlalu kecil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

*(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

*(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng.

#### PENGGALAN SULTAN ABDUL HAMID

8. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah kerja-kerja membaiki semula Pengkalan Sultan Abdul Hamid akan bermula. Beri keterangan-keterangan mengenai kerja-kerja pembaikan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan runtuhannya sebahagian platform penumpang di Pengkalan Sultan Abdul Hamid di Butterworth, Suruhanjaya Pulau Pinang telah melantik juru-perunding kejuruteraan untuk memeriksa struktur di kedua-dua pengkalan feri lama iaitu Pengkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth dan

Pengkalan Raja Tun Uda di Georgetown. Laporan juru-perunding telah diterima dan Kerajaan sedang mengkaji laporan itu.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu bilakah kerja-kerja mengkaji pembinaan pengkalan ini akan diselesaikan dan bilakah masa dijangka akan dibaiki?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedang menyediakan Kertas Kabinet untuk dikemukakan kepada Kabinet bagi dipertimbangkan dan dijangka akan dibawa kepada Kabinet sebelum akhir bulan Februari ini. Setakat ini itulah yang boleh saya beritahu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Taimin bin Lumaing.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Taimin bin Lumaing tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

#### SOALAN No. 10 DITARIK BALIK

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telah dijawab beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Saya yakin Yang Berhormat Menteri tidak ada apa-apa tambahan akan dibuat, saya tarik balik. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tiada soalan tambahan? Yang Berhormat Tuan Harisson Ngau Laing.

**ELAUN SARA  
HIDUP—BAYARAN**

**11. Tuan Harisson Ngau Laing** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapakah Elaun "Subsistence" untuk kakitangan-kakitangan perubatan di bawah Persekutuan yang bertugas di Sarawak telah dikurangkan dan ini sangat menjejaskan semangat mereka yang bertugas di dalam Kumpulan Skel C dan D, tetapi mereka yang di bawah Perkhidmatan Perubatan Negeri Sarawak tidak terjejas;
- (b) apakah yang terjadi kepada janji untuk menaikkan gaji bagi Kumpulan Skel D untuk kakitangan-kakitangan perubatan di Sarawak yang telah diumumkan dan diberi publisiti dalam surat khabar baru-baru ini tidak dilaksanakan; dan
- (c) mengapakah kumpulan skel D dalam Jabatan Perubatan tidak dinaikkan pangkat/ditingkatkan berbanding dengan kumpulan yang sama dalam jabatan yang lain seperti Jabatan Pendidikan dan Pertanian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini Elaun Sara Hidup (Subsistence Allowance) tidak lagi dibayar kepada kakitangan dari Semenanjung yang ditempatkan di Sarawak. Bagaimanapun kakitangan yang berasal dari Semenanjung dan ditempatkan di Sarawak adalah dibayar Elaun Wilayah dan diberi kemudahan-kemudahan lain.

Kadar elaun ini pada pendapat saya tidak akan menjejaskan semangat kakitangan yang

berkhidmat di bawah Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak kerana pada masa ini Kementerian Kesihatan hanya menempatkan kakitangan Kumpulan C dan D yang berasal dari Semenanjung untuk berkhidmat di Sarawak atas sebab permohonan sendiri dan sebahagian besar di kalangan mereka adalah untuk mengikuti suami.

- (b) Kementerian Kesihatan tidak pernah berjanji menaikkan gaji kakitangan dalam Kumpulan D yang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan. Apa yang sedang diusahakan sekarang ialah untuk membaiki beberapa Skim Perkhidmatan Kumpulan D selaras dengan peningkatan tugas dan tanggungjawab mereka.
- (c) Perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Kumpulan D di Kementerian Kesihatan, kecuali Pegawai Kerani Rendah dan Juruteknik Rendah adalah masih diperlukan dalam struktur-struktur perkhidmatan di Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun mereka berpeluang untuk dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi di dalam Skim Perkhidmatan masing-masing di bawah Kumpulan D. Sekiranya terdapat jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang kosong dan mereka telah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat sepertimana ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Wong Sing Nang.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Wong Sing Nang tidak hadir)

## FELDA—HAKMILIK PENEROKA

13. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah hakmilik yang telah diberikan kepada peneroka semenjak jaminan dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba pada 29hb November, 1988. Nyatakan juga jumlah kawasan FELDA yang sudah melaksanakan pemberian hakmilik ini. Nyatakan:

- (a) fungsi JKKR (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan) yang ditubuhkan dalam rancangan FELDA; dan
- (b) fungsi "perjanjian asal tahun 1960 Fasal 13" dan fungsi
  - (i) hakmilik persendirian
  - (ii) hakmilik sistem blok, dan
  - (iii) hakmilik sistem saham.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, selepas pengumuman Kerajaan pada 29hb November, 1988 mengenai perubahan sistem hakmilik kumpulan dan sistem saham kepada sistem hakmilik individu, hakmilik individu bagi 5,000 orang peneroka di 18 buah rancangan dijadual akan disediakan dalam tempoh masa di antara tahun 1989 hingga 1991. Sehingga kini seramai 1,000 orang peneroka di 6 buah rancangan iaitu 5 buah rancangan di Pahang dan sebuah rancangan di Terengganu telahpun menerima hakmilik individu bagi kawasan ladang dan tapak-tapak rumah. Seramai 1,125 orang peneroka lagi dijadual akan menerima hakmilik pada awal tahun 1991 ini dan bakinya dalam tempoh masa yang telah dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fungsi JKKR (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan) adalah dimaklumkan bahawa JKKR mula diwujudkan di rancangan FELDA dalam tahun 1967. Pada awalnya JKKR diberi peranan sebagai badan perantaraan di

antara peneroka dan pihak pengurusan FELDA bagi mengemukakan sebarang masalah-masalah yang timbul di kalangan peneroka dan bagi menyalurkan penjelasan dan maklumbalas daripada pihak pengurusan kepada peneroka. Walau bagaimanapun, mulai pada tahun 70an, JKKR telah diberi peranan yang lebih luas lagi meliputi bidang-bidang sosial, ekonomi dan pentadbiran. Badan ini telah dipertanggungjawabkan memberi kepimpinan kepada para peneroka bagi mempertingkatkan kegiatan mereka di bidang sosial dan ekonomi serta membantu pihak pengurusan rancangan dalam bidang pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fungsi Perjanjian Asal Tahun 1960 Fasal 13, perlulah dijelaskan di sini bahawa pada tahun 1960 belum ada perjanjian yang ditandatangani sama ada di antara peneroka dengan FELDA atau di antara Kerajaan Negeri dengan FELDA. Perjanjian yang terawal yang ditandatangani di antara peneroka dengan FELDA ialah pada tahun 1968.

Fasal 13 perjanjian tersebut adalah mengenai tanggungjawab peneroka untuk menjaga sempadan kawasan rancangan sepertimana arahan pegawai FELDA dan bagi menjalankan sebarang arahan pengurusan mengenai kerja-kerja penjagaan dan penghasilan di kawasan rancangan. Saya yakin dan percaya bahawa bukan peruntukan perjanjian ini yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh. Mungkin yang dimaksudkan ialah Fasal 13 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 Akta Tanah tersebut adalah mengenai kuasa yang diberi kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian (sekarang ini dipanggil Pengarah Tanah dan Galian) oleh Kerajaan Negeri untuk menetapkan kadar-kadar premium dan cukai tahunan serta jangkamasa yang diperuntukkan oleh Akta tersebut untuk menyemak semula dan menentukan kadar-kadar baru bagi premium dan cukai tahunan.

Mengenai sistem pemilikan tanah FELDA, Tuan Yang di-Pertua, pada awalnya peneroka yang menyertai rancangan getah sebelum 1hb Januari, 1978 adalah didaftarkan sebagai penduduk yang bakal menerima hakmilik individu bagi kawasan ladang dan tapak rumah. Oleh yang demikian, semua rancangan sawit dan rancangan getah yang ditempatkan peneroka mulai tarikh tersebut adalah diletakkan di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan, iaitu sistem blok dan hakmilik didaftarkan atas nama Koperasi yang mana peneroka berkenaan menjadi ahli. Manakala rancangan yang ditempatkan peneroka mulai 1hb Januari, 1985 diletakkan di bawah Sistem Saham di mana peneroka didaftar sebagai bakal penerima hakmilik tapak rumah dan pemegang saham bersama dengan 10 ekar kawasan ladang. Sistem Hakmilik Kumpulan dan Sistem Saham dimansuhkan berikutan dengan keputusan Kerajaan mengubah sistem tersebut kepada Sistem Hakmilik Individu.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah hakmilik individu FELDA ini sama dengan hakmilik individu tanah-tanah lain, yakni adakah tanah tersebut boleh dicagar, dipindahmilik dan sebagainya sebagaimana hakmilik-hakmilik individu yang lain. Soalan kedua, adakah JKRR ini tidak berlapis fungsinya dengan JKRR?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Yang pertama mengenai hakmilik ini memang ada sekatan-sekatan ataupun yang dipanggil syarat-syarat sekatan kepada hakmilik tanah-tanah yang telah diberikan kepada peneroka-peneroka yang terpilih. Yang kedua, JKRR dan JKRR. JKRR ini ialah di kampung tradisional (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung), JKRR ialah di rancangan-rancangan anah yang tersusun seperti di FELDA (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan). Terima kasih.

**Dato' Dr Affuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dapat kita fahamkan bahawa JKRR ini hanya merupakan satu saluran maklumat daripada pihak pengurusan kepada peneroka-peneroka. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menukar peranan ini kepada peranan yang lebih menyeluruh iaitu menambahkan fungsi dan kuasa kepada JKRR supaya dapat memberi penglibatan yang lebih bermakna di dalam pengurusan satu-satu rancangan FELDA. Dan soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang hanya seorang sahaja wakil JKRR yang menganggotai Lembaga Pengarah FELDA. Apakah Kementerian bercadang untuk menambahkan komponen peneroka ini di dalam badan yang paling tinggi di dalam FELDA supaya ianya dapat menjadi satu badan yang mana rakyat terlibat daripada keseluruhan peringkat pentadbiran FELDA?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Bagi soalan yang pertama, saya fikir tadi sudah agak jelas, namun ingin saya maklumkan sekali lagi bahawa peranannya bukanlah hanya sebagai perhubungan, tetapi penglibatannya kini telah diperluaskan termasuk di dalam masalah usaha-usaha pengurusan dan juga dari segi peningkatan produksi serta produktiviti peserta-peserta di skim-skim ataupun di rancangan-rancangan FELDA. Maknanya kerja dan perhatian JKRR ini dalam mewujudkan masyarakat peneroka yang produktif adalah merupakan sebagai sebahagian peranan.

Pertanyaan yang kedua, untuk masa ini Kerajaan belum ada rancangan untuk membuat pengubahsuaian ataupun adjustment, dengan izin, dan akan memberikan perhatian kepada peri mustahaknya peranan badan ini di kemaskinikan. Dan kalau ada apa-apa yang perlu dibuat perubahan di sana-sini, insya Allah, akan difikirkan dan dikaji dahulu oleh pihak Kerajaan.

## JET PEJUANG TORNADO—PEMBELIAN

**14. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Pertahanan menyatakan kedudukan sebenar tentang pembelian kapal terbang pejuang jenis Tornado dari U.K.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memutuskan untuk membatalkan pembelian jet-jet pejuang jenis Tornado. Ini adalah kerana kos unit operasi dan penyelenggaraannya adalah terlalu tinggi dan tidak kos efektif pada masa ini bagi membiayai pesawat yang peranan utamanya adalah serangan jarak jauh.

Sebagai ganti pembelian pesawat Tornado, pesawat Hawk dirancangkan bagi menggantikan perkhidmatan pesawat A-4 Skyhawk yang peranan utamanya adalah serangan taktikal.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk membuat penilaian di atas prestasi satu-satu pesawat pejuang, untuk menentukan pesawat manakah yang lebih sesuai untuk pertahanan negara kita Malaysia; adakah pihak Kerajaan ataupun secara manakah pihak Kerajaan membuat penilaian pesawat-pesawat tersebut dengan tidak memberi perhatian kepada prestasi sebenar di dalam masa kita menghadapi peperangan?

Soalan yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini peluang keemasan memang ada pada kita untuk melihat prestasi satu-satu pesawat pejuang di masa meletusnya peperangan di Teluk yang mana banyak pesawat-pesawat pejuang daripada beberapa negara, bukan sahaja daripada United Kingdom tetapi misalannya MIG daripada Soviet Russia, Mirage daripada Perancis dan juga banyak model-model baru daripada Amerika Syarikat. Jadi, adakah pihak Kerajaan akan menghantar satu pasukan pemerhati ke Teluk untuk membuat

penilaian lebih dekat lagi pesawat manakah yang lebih sesuai untuk pertahanan kita di Malaysia?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengalaman di Teluk ini adakah Kerajaan ingin mengubah sedikit dasar pertahanan negara daripada membeli kapal terbang serangan jarak jauh kepada peluru-peluru berpandu Scud dan peluru-peluru berpandu pemintas peluru berpandu jenis Patriot. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, nampaknya soalan kedua dan ketiga itu tidak berkaitan dengan soalan asal. *(Ketawa)* Walau bagaimanapun terpulang kepada Timbalan Menteri untuk menjawab.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang soalan pertama, tidaklah sukar untuk membuat penilaian tentang pesawat-pesawat yang kita hendak beli kerana kita akan membandingkan di antara keperluan kita dengan keupayaan pesawat yang ada. Dan pesawat-pesawat yang ada ini mereka mempunyai spesifikasi yang jelas dan menunjukkan serta memberitahu kita apakah keupayaan mereka. Jadi oleh kerana itu kita membandingkan apakah keperluan negara kita dengan keupayaan ini. Itu sahajalah cara bagaimana kita menentukan sama ada pesawat-pesawat itu diperlukan oleh kita. Kemudian kita pula membandingkan dengan keupayaan kita dari segi kos—adakah kita boleh menanggung pembelian ini dan juga termasuk menanggung kos unit operasi dan penyelenggaraan.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kita telah membatalkan niat untuk membeli "Tornado Jet Fighters" atau kapal-

terbang pejuang Tornado, dan gantinya Kerajaan akan membeli "Skyhawks Jet Fighters A-4."

Persoalan saya ialah pada suatu masa dahulu kita pernah mendengar terdapat 38 hingga 40 buah Skyhawks jenis A-4 yang tersadai di padang pasir Arizona. Apa terjadi dengan Skyhawks ini? Dan kita difahamkan Kerajaan terpaksa membiayai kos maintenance tiap-tiap tahun kerana hasrat Kerajaan untuk menjual Skyhawks A-4 yang berada di padang pasir Arizona sampai hari ini pun tidak ada pembeli.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah mengemukakan satu perangkaan yang salah. Yang kita beli sekarang ini ialah Hawk dan bukan Skyhawks. Yang kita tidak gunakan lagi itu ialah "Skyhawks". Jenis A-4 Skyhawks itu kita sudah tidak gunakan lagi. Yang ini kita bercadang untuk dijual. Yang kita beli sekarang ini ialah Hawk. Itu berbeza.

Tentang apa yang terjadi kepada pesawat A-4 Skyhawks kita ini, saya telah jawab dalam Dewan yang mulia ini sebanyak dua kali—semasa menjawab soalan dan juga menggulung perbahasan Belanjawan. Jadi saya berharap Yang Berhormat dapat rujuk kepada jawapan itu.

#### KRISIS TELUK—PERANAN MALAYSIA

**15. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) memandangkan Mesir dan Syria sudah mengkaji semula penglibatan mereka dalam krisis Teluk, adakah Malaysia akan menarik balik sokongannya kepada Usul Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menggunakan ketenteraan dalam menangani krisis itu; dan

- (b) perkembangan baru di Teluk itu adalah disebabkan Amerika pada ketika yang sama membekalkan senjata yang lebih mantap kepada Israel, apakah sikap Malaysia dalam hal ini, dan apakah Malaysia masih bertanggungjawab juga untuk mengekori kerenah Amerika di rantau itu.

**Timbalan Menteri Luar (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, pihak saya telah menjawab soalan ini pada 6-12-90 yang sudah dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya ada cuba untuk bertanya soalan tambahan mengenai perkara yang sama, tetapi tidak berkesempatan. Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah melahirkan rasa kesal di atas pelaksanaan Resolusi 678 di mana Amerika Syarikat menyeleweng dalam pelaksanaan Resolusi tersebut. Saya ingin mengetahui oleh kerana penyelewengan pelaksanaan Resolusi tersebut, apakah Kementerian Luar Negeri telah memanggil Duta Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur untuk menyatakan bantahan daripada Kerajaan Malaysia ataupun membawa perkara tersebut ke Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan secara rasmi (official)? Kalau tidak, kenapa. Apakah sekadar kenyataan melahirkan rasa kesal di atas penyelewengan yang berlaku terhadap pelaksanaan Resolusi 678.

Perkara yang kedua, kita mendapat berita bersabit dengan perang Teluk melalui televisyen iaitu kebanyakannya daripada CNN yang kita lihat, berita-berita yang kita dapati merupakan suatu propaganda perang saraf yang cukup menakutkan di mana Presiden Bush keluar dalam televisyen dengan penuh

releks, seolah-olah dialah menang. Dan di satu pihak, Presiden Sadam keluar dalam televisyen, dengan senyum, dengan ketawanya tetapi masyarakat dunia dalam keadaan yang terus berdebar-debar.

Saya ingin mengetahui apakah pihak Kerajaan Malaysia menerima maklumat yang sebenarnya, sebab berita-berita ini lebih banyak merupakan berita propaganda kedua belah pihak—iaitu jumlah rakyat Iraq yang sudah terbunuh, kemusnahan-kemusnahan dalam perkara-perkara lain yang terbabit sejak peperangan ini berlaku, dan perkara-perkara yang dianggap tidak terdapat dalam berita-berita yang kita lihat, yang kita dengar setakat ini.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, tentang pendirian Kerajaan kita yang menyatakan bahawasanya kita kurang senang tentang perlaksanaan Resolusi 678 juga disampaikan oleh banyak negara-negara lain. Sebab mengapa, kini kita mendapat tahu bahawasanya pada hari Rabu ini satu mesyuarat Majlis Keselamatan yang rasmi akan diadakan walaupun secara tertutup. Maknanya sudah ada sedikit improvement, dengan izin. Pada mulanya mesyuarat Majlis Keselamatan tidak boleh langsung dipanggil untuk bersidang. Tetapi atas desakan kita dan lain-lain negara yang inginkan keamanan, maka Majlis Keselamatan telah pun dijadualkan untuk bersidang pada hari Rabu ini. Kita akan lihat perkembangan berikutnya dan akan membuat apa-apa tindakan selepas itu.

Tentang perlunya kita panggil duta-duta yang tertentu dalam peperangan Teluk itu, kita akan buat kajian dan apabila perlu kita akan buat.

Perkara kedua, tentang peranan televisyen berkenaan dengan laporan mengenai apa yang sedang berlaku di Teluk sudah tentu kita tidak boleh

percaya seratus-peratus tentang apa yang ditunjukkan di kaca televisyen, tambahan juga sebenarnya tak siapa pun yang tahu sebenar apa yang berlaku—jumlah yang terkorban, harta-harta yang termusnah. Kita hanya boleh buat sebagai anggapan sahaja ataupun membuat secara estimate sahaja. Maka kita anggapkan apa yang kita lihat itu sebagai berita-berita yang hampir benar, tetapi tak boleh kita terima sebagai benar seratus-peratus.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kepada Timbalan Menteri, saya ingin mengemukakan satu soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian telah secara rasmi ataupun pihak Kerajaan Malaysia telah secara rasmi memprotes kepada Amerika Syarikat di atas sikapnya yang mutakhir ini terhadap negeri Iraq. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi bahawasanya pihak Yang Berhormat telahpun membuat teguran itu tetapi melalui PBB dan menunggu persidangan PBB setelah persoalan isu ini akan selesai, tetapi saya merasakan itu adalah agak terlambat. Apakah sikap-sikap awalan ini yang telah diambil oleh pihak Kementerian dan saya merasakan sikap-sikap yang telah diambil itu tidak begitu positif, tidak menggambarkan penentangan secara sungguh-sungguh tetapi hanya sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti sedar bahawasanya apa yang telah dilakukan

....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, panjang sangat soalan itu.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang setuju tentang pendapat Yang

Berhormat yang mengatakan tindakan kita itu seolah-olah seperti batuk di tangga sahaja, malah kita fikirkan bahawasanya pandangan kita itu merupakan satu pandangan yang bertanggungjawab yang mana kita mengamalkan dasar berkecuali, tidak mahu menyokong mana-mana pihak. Yang kita dok laungkan, dok kerjakan, dok usahakan ialah untuk mencari kedamaian secepat mungkin sebab kita percaya bahawasanya tidak apa lain cara yang paling baik sekali untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah perang Teluk selain daripada wujudnya pendamaian. Kini dasar kita diterima, malah Kerajaan Iraq sendiri pun, mahupun Kerajaan Kuwait dan Saudi Arabia menghormati pendirian kita dan dasar kita dan kita masih lagi berbaik-baik dengan mereka. Maka dengan itu, menunjukkan pendirian Malaysia yang saksama, yang bernas, yang berpandangan jauh yang mana kita, saya ulang lagi, tak lain tak bukan ingin mengujudkan pendamaian secepat mungkin.

Maka pendirian Malaysia takkan kita berganjak dari apa yang kita buat setakat ini dan kita nampak hasilnya telah pun mula kita lihat, tetapi hendakkan selesai serta-merta sesuatu peperangan yang begitu kompleks seperti perang Teluk itu sudah tentu mengambil masa. Walau bagaimanapun, kita tidak akan berdiam diri, kita akan berusaha secara yang tertentu. Yang pentingnya hasil. Tak guna kita bising, pekik, laung-laung dapat headlines dan sebagainya tetapi hasilnya tidak ada dan pada kita yang pentingnya hasil walaupun kita buat secara diam-diam, secara sulit tetapi hasilnya yang menjadi pokok dan penentu pada dasar kita. Insya Allah, kita akan lihat dari semasa ke semasa perkembangan-perkembangan yang lebih sihat agar peperangan Teluk dapat ditamat, diselesaikan secepat mungkin dan itulah kehendak dan dasar kita.

## KEMPEN TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990—KEJAYAAN

**16. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan “Kempen Tahun Melawat Malaysia 1990”, dan adakah ianya telah mencapai matlamat;
- (b) berapa ramai jumlah pelawat-pelawat asing yang telah melawat Malaysia sehingga ke hari ini;
- (c) adakah terdapat usaha-usaha untuk menggagalkan “Kempen Tahun Melawat Malaysia 1990” oleh negara-negara luar; dan
- (d) berapa banyakkah jumlah perbelanjaan yang terlibat di dalam menjayakan kempen tersebut dan berapa banyakkah jumlah pendapatan yang telah diperolehi sepanjang kempen tersebut dijalankan.

**Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (a), Kempen Tahun Melawat Malaysia telah berjaya mencapai lebih dari matlamatnya yang asal. Ini dapat dilihat dari segi pertambahan jumlah pelancong dan pertukaran wang asing yang diperolehi. Berpandukan kepada maklumat yang diperolehi adalah dianggarkan bahawa Malaysia telah menerima seramai 7.4 juta orang pelancong asing dalam tahun 1990 berbanding dengan hanya seramai 4.8 juta pelancong dalam tahun 1989. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 54.3% berbanding dengan tahun 1989.

Jumlah pertukaran wang asing yang diperolehi dari sektor ini bagi tahun 1990 adalah sebanyak \$4.47 bilion berbanding dengan sebanyak \$2.8 bilion pada tahun

1989. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 59.6% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Bagi (b), adalah dianggarkan jumlah pelawat-pelawat asing yang telah melawat Malaysia sehingga ke hari ini iaitu dalam tahun 1990 adalah seramai 16.3 juta orang berbanding dengan seramai 10.8 juta orang dalam tahun 1989. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 51% berbanding dengan tahun 1989.

Bagi (c), sejauh yang diketahui tiada terdapat mana-mana negara luar yang cuba berusaha untuk menggagalkan kempen atau program Tahun Melawat Malaysia 1990. Malahan sebaliknya kita mendapat kerjasama yang baik daripada negara-negara luar apabila kita menjalankan usaha promosi dan pengiklanan di negara-negara yang berkenaan.

Bagi (d), jumlah peruntukan yang terlibat bagi menjayakan Kempen Tahun Melawat Malaysia ialah \$92 juta bagi 3 tahun iaitu 1989, 1990 dan 1991. Jumlah pertukaran wang asing yang diperolehi dijangka mencapai melebihi \$4 bilion. Dalam tahun 1990 jumlah pertukaran wang asing yang diperolehi ialah sebanyak \$4.47 bilion.

**Che Ibrahim bin Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu kejayaan yang tersirat yang kita dapati daripada Kempen Tahun Melawat Malaysia sepanjang 365 hari ialah kejayaan pihak Kementerian Pelancongan mengadakan nilai-nilai komersial pelancongan dengan nilai-nilai non-komersial kebudayaan dan kesenian untuk mendapatkan pulangan keuntungan material dan juga dengan cara menjulangkan nama negara di luar negeri, mempopularkan nama negara di luar negeri. Masalahnya ialah adakah perancangan seterusnya yang kita lakukan dalam tahun 1991 setelah berakhirnya Kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 setelah kita mencapai

kejayaan yang gemilang itu dan adakah kita mendapat persaingan daripada promosi pelancongan yang dijalankan oleh negara-negara jiran?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana industri pelancongan merupakan suatu bidang yang kita baru sahaja memberi tekanan dan setengah-setengah negara jiran kita sudah lama berkecimpung di dalam bidang ini, sudah tentu dari segi persaingan memang kita terdapat persaingan. Tetapi persaingan yang berlaku ini akan menjadi sebagai satu panduan kepada kita dalam melaksanakan strategi kita bagi tujuan promosi.

Walau bagaimanapun, kita akan meneruskan promosi kita mengikut strategi kita di mana kita meletakkan negara-negara utama, negara-negara kedua dan negara-negara ketiga dan selanjutnya oleh kerana keadaan-keadaan yang berlaku sekarang ini, umpamanya keadaan di Teluk, kita juga membuat sedikit sebanyak perubahan kepada strategi kita di mana pada kali ini juga kita akan menekankan kepada regional ataupun kawasan serantau supaya perkara-perkara yang berlaku di dunia ini tidak menjejaskan dengan secara hebat kepada industri pelancongan kita.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat juga iaitu acara-acara kesenian yang kita anjurkan dan berbagai-bagai lagi dalam tahun 1990 beberapa acara yang tertentu akan kita teruskan tetapi bagi acara-acara yang memang tidak boleh kita laksanakan pada tahun ini oleh kerana memang acara tersebut diadakan hanya beberapa tahun sekali, umpamanya negara-negara antarabangsa yang lain, sudah tentulah perkara tersebut kita tidak dapat adakan, tetapi bagi acara-cara lain, walaupun telah kita laksanakan pada tahun lalu, tetapi pada tahun ini dan tahun-tahun berikutnya akan kita teruskan di mana yang mungkin.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana telah dijelaskan tadi berhubung dengan hasil kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 yang begitu amat menggalakkan, saya ingin tahu mengapakah kempen Tahun Melawat Malaysia ini hendak dikhaskan hanya pada tahun 1990? Kenapa kita tidak ada satu kempen yang berterusan sepanjang masa?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, daripada hasil kempen Melawat Malaysia, kita dapati bahawa rakyat negara kita sendiri telah menjadi mangsa disebabkan kenaikan harga hotel-hotel dan harga barangan dan makanan di negara ini, tidakkah ini terlintas di fikiran Kerajaan bahawa kempen begitu meluas yang menjadi mangsa adalah rakyat sendiri. Terima kasih.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak bagaimana kempen Tahun Melawat Malaysia boleh menjejaskan rakyat negara ini bahkan dengan adanya kempen Tahun Melawat Malaysia ini telah memberi banyak manfaat dan kebaikan kepada rakyat negara kita kerana di dalam kempen Tahun Melawat Malaysia ini kita telah dapat mewujudkan industri-industri yang berkaitan dengan pelancongan, juga mendapat pertambahan permintaan. Di dalam perniagaan, memanglah "supply and demand" itu menjadi perkara yang penting. Sebab itu kalau ada kenaikan kadar hotel, ia adalah kerana demand yang tinggi dan untuk makluman Dewan ini juga, bahawa aktiviti perhotelan ini telah mewujudkan banyak peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita.

Di samping itu, ingin saya beritahu bahawa walaupun begitu, kadar hotel di dalam negara kita masih lagi kalau dibandingkan dengan negara-negara lainnya, lebih rendah terutamanya di kawasan yang serantau.

## SKIM CEPAT KAYA

**17. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan pengusaha pelaburan "Skim Cepat Kaya" yang sudah diketahui oleh Kerajaan di seluruh negara dan serbuan oleh Bank Negara ke atas pengusaha-pengusaha tersebut. Apakah usaha Kerajaan untuk mengelakkan orang ramai daripada penipuan oleh pengusaha-pengusaha tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan berkaitan dengan perkara ini telah pun dijawab pada 13 Disember 1990, iaitu semasa menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan saya tidak ada jawapan tambahan untuk soalan ini.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan yang diberi pada 13 Disember 1990 dahulu, tidak disebutkan berapa banyakkah wang yang dirampas daripada orang-orang yang menjalankan skim cepat kaya ini. Saya ingin bertanya berapa banyakkah wang yang dirampas dan apa akan jadi kepada wang itu jikalau orang-orang ini tidak dapat didakwakan di Mahkamah tanpa bukti-bukti yang cukup?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul tidak ada angka yang diberi dalam jawapan terlebih awal daripada ini. Tentang jumlah wang yang dirampas, saya mohon notis daripada Yang Berhormat untuk mendapatkan angka yang tepat. Sekadarkan saya hendak sebut di sini bahawa dalam jawapan yang dahulu disebutkan ialah lebih kurang \$30 juta nilai wang yang terlibat dalam skim cepat kaya ini. Ini anggaran kasar yang ada.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Kementerian Kewangan bercadang untuk menjalankan satu rescue operation terhadap Pak Man Telo kerana di antara skim cepat kaya yang terlibat ialah Pak Man Telo yang popular selama ini dan saya difahamkan Pak Man Telo sekarang ini menghadapi masalah besar dan banyak pelabur-pelabur sudah dalam keadaan yang tak tentu arah. Jadi, oleh kerana memandangkan beliau ini seorang yang telah membuktikan kejayaan selama ini, adakah pihak Kementerian Kewangan bercadang untuk mempertimbangkan mengeluarkan lesen seumpamanya dalam bentuk lesen kewangan bagi beliau menjalankan perniagaan secara halal dan sah di sisi undang-undang?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan ialah jika sekiranya ada aduan Polis, Pak Man Telo akan dibawa ke mahkamah dan Kerajaan tidak bercadang langsung untuk mengeluarkan lesen, bahkan Kerajaan menyeru kepada masyarakat supaya mempelajari sesungguhnya daripada operasi Pak Man Telo yang tidak ada logik langsung. Jadi, kalau Pak Man Telo sudah terbakar jarinya, kita harap masyarakat umum memahami tentang risiko yang ditanggung kalau mengikut cara Pak Man Telo.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa yang diperuntukkan bagi soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 6, 7, 9, 12 dan 18 hingga 20 adalah diberi di bawah ini)*

**HOSPITAL DAERAH  
JASIN/POLIKLINIK  
BANDAR HILIR MELAKA**

**2. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bila Hospital Daerah Jasin dan Poliklinik Bandar Hilir di Negeri Melaka akan siap dibina;
- (b) adakah kawasan Tenggera, Durian Daun atau Kubu di Melaka akan menikmati faedah yang sama dan kalau tidak mengapa;
- (c) sama ada satu Hospital Besar Melaka baru akan dibina di tapak yang baru atau Hospital Besar asal dibesarkan dan kalau ia nyatakan butir-butir lanjut seperti kos dan bila ia dijangka siap;
- (d) sama ada beliau sedar bahawa alat-alat dan kelengkapan perubatan moden di Hospital Besar Melaka kurang dan tiada audio scanning equipment langsung, kalau ia, berapa banyakkah yang akan dibelanjakan untuk "upgrading" agar jadi Hospital Besar Melaka setanding dengan hospital swasta di Melaka.

**Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai):**

- (a) Hospital Daerah Jasin Fasa I dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1992. Poliklinik Baru ini dibina di Hujung Pasir lebih kurang 1 km dari Bandar Hilir dan dijangka siap pada bulan Februari 1991.
- (b) Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk membina poliklinik di Tenggera, Durian Daun atau Kubu di Melaka. Sebab-sebabnya ialah:
  - (i) Ada Klinik Pesakit Luar yang sedang memberi perkhidmatan di Jalan

Tengkera; penduduk kawasan ini juga boleh dapat perkhidmatan dari Klinik Pesakit Luar di Jalan Gereja yang jarak jauhnya lebihkurang 2 km dari Tengkera.

(ii) Penduduk Durian Daun boleh mendapat perkhidmatan yang perlu di Hospital Besar Melaka yang jarak jauhnya lebihkurang 2-3 km atau dari Klinik Pesakit Luar di Jalan Gereja dengan jarak jauh yang sama dari Durian Daun.

(iii) Penduduk di kawasan Kubu boleh mendapat perkhidmatan yang perlu dari Hospital Besar Melaka, Klinik Pesakit Luar di Tengkera atau Jalan Gereja. Ketiga-tiga kemudahan ini adalah lebihkurang 2-3 km dari kawasan Kubu.

(c) Kementerian Kesihatan ada projek dalam Rancangan Malaysia Keenam (RME) untuk membangun semula Hospital Besar Melaka menjadikannya sebuah hospital yang moden dan lengkap di tapak hospital sekarang. Anggaran kosnya ialah:

(i) Pembinaan	\$70,000
(ii) Alat Kelengkapan dan Perabot	\$10,000
Jumlah	\$80,000

Projek ini dijangka siap penghujung Rancangan Malaysia Keenam.

(d) Tidak ada alat yang dinamakan "audio scanning equipment".

Sepertimana yang dimaklumkan tadi dijangka sebanyak lebihkurang \$10 juta akan dibelanja untuk menaikkan taraf peralatan perubatan di Hospital Besar Melaka dalam Rancangan Malaysia Keenam.

## PEMBINAAN JALAN RAYA DI SABAH

6. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada Jabatan Pembangunan Negeri Sabah masih boleh meneruskan permohonan-permohonan projek yang telahpun diperiksa dan dikaji oleh pegawai dari Jabatan berkenaan (ketika PBS masih lagi dalam Barisan Nasional dulu) iaitu pembinaan jalan raya di Kampung Layu, Kaung Melawan dan penaikan taraf jalan raya ke semi-grouting Kg. Gansurai memandangkan kini PBS bukan lagi dalam Barisan Nasional. Kalau tidak, apakah itu semata-mata disebabkan kedudukan PBS kini sebagai pembangkang dan dianggap tidak lagi layak mendapat bantuan Kerajaan Pusat.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang bertanggungjawab. Justeru itu, segala permohonan bagi tujuan pembangunan akan terus diteliti dan dibuat keputusan tidak kira sama ada ianya dibuat sebelum atau selepas PBS meninggalkan Barisan Nasional (BN). Soal sama ada sesebuah Kerajaan Negeri itu tidak sehaluan dengan Kerajaan Pusat tidak timbul. Ini tidak bermakna apa-apa yang perlu diberikan akan diberhentikan. Bantuan-bantuan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri seperti ternyata di dalam Perlembagaan akan terus dihormati. Segala projek dibuat mengikut keperluan dan keutamaannya.

**LAWATAN NELSON MANDELA  
KE MALAYSIA—PER-  
BELANJAAN**

**7. Tuan Michael Asang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia untuk persediaan sambutan ke atas lawatan Dr Nelson Mandela ke Malaysia;
- (b) apakah kesan yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia dari segi Ekonomi dan Kemasyarakatan dengan lawatan Dr Nelson Mandela tersebut.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Jumlah perbelanjaan yang terlibat di dalam membiayai lawatan Dr Nelson Mandela ke Malaysia baru-baru ini ialah M\$226,205.02.
- (b) Adalah dijangkakan bahawa Malaysia akan memperoleh manfaat ekonomi apabila teraju pemerintahan Afrika Selatan diambilalih oleh pihak majoriti. Ini adalah sesuai dengan jaminan yang telah diberikan oleh Dr Mandela sendiri bahawa hubungan dengan Malaysia akan diberi keutamaan sewajarnya kelak.

Melalui lawatan Dr Mandela, kita dapat mengambil iktibar bahawa perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat berbilang kaum bagi sesebuah negara majmuk adalah penting bagi menjamin kestabilan negara berkenaan. Diskriminasi perkauman melalui dasar apartheid telah menyebabkan wujudnya pertentangan rakyat kulit hitam yang berterusan terhadap regim kulit putih. Ia juga telah mendapat kecaman dan memaksa masyarakat

antarabangsa mengambil tindakan untuk mempertahankan hak-hak majoriti rakyat kulit hitam. Dalam hubungan ini, kita harus memupuk dan mengekalkan tahap perpaduan kaum di negara ini supaya Malaysia terus aman dan stabil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masyarakat antarabangsa telah mengiktirafkan peranan kita dalam menegakkan hak dan pemerintahan majoriti di Afrika Selatan. Mereka telah menyifatkannya sebagai lambang sikap perpaduan kita dengan golongan yang tertindas.

**INDUSTRI TEMPATAN—  
PERLINDUNGAN TARIF**

**9. Tuan Taimin bin Lumaing** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengapakah pada masa ini Kerajaan Persekutuan mengenakan kawalan import terhadap beberapa jenis komoditi seperti besi dan beberapa komponen untuk "Proton Saga" dalam usahanya untuk melindungi industri-industri tempatan. Walaupun semua ini diberi taraf status, sebagai industri-industri asas, tetapi pada masa ini sebahagian besar daripada komponen industri tersebut masih terus diimport. Bolehkah Kerajaan Persekutuan memberi penjelasan kenapakah perlindungan seperti itu tidak diberikan kepada Sabah Forest Industries, sedangkan ianya juga merupakan industri asas, tambahan pula hanya sebahagian kecil sahaja komponen yang diimport.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Dr K. S. Nijhar):** Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan import terhadap beberapa jenis barangan dikenakan

untuk mencapai beberapa objektif yang mana salah satu daripadanya adalah untuk memberi peluang kepada industri tempatan berkembang tanpa dijejaskan oleh saingan import. Pertimbangan untuk perlindungan akan mengambilkira kepentingan sesuatu industri itu kepada pembangunan ekonomi negara. Melalui langkah perlindungan ini syarikat-syarikat di dalam industri berkenaan akan dapat beroperasi secara berdaya maju dan menyumbang kepada pembangunan perindustrian negara. Walau bagaimanapun perlindungan itu tidaklah berkekalan dan akan ditarik balik apabila Kerajaan berpendapat industri tempatan sudah berupaya untuk bertanding dengan barangan yang diimport.

Berhubung dengan syarikat Sabah Forest Industries Sdn. Bhd., syarikat telahpun mengemukakan permohonan untuk mendapatkan perlindungan tarif ke atas "uncoated woodfree printing and writing paper" dan permohonan tersebut sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

#### UNIVERSITI DI SARAWAK— PENUBUHAN

**12. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan ingin menubuhkan sebuah universiti di Negeri Sarawak; kalau tidak, mengapa.

**Menteri Pendidikan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu penubuhan universiti di Sabah atau Sarawak oleh Tuan Sim Kwang Yang, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan Tuan Taimin Lumaing, Ahli Yang Berhormat dari Pensiangan telahpun dijawab sekali gus pada 29.1.1991. Oleh itu tidak ada apa-apa tambahan yang ingin dinyatakan. Terima kasih.

#### BAHASA MALAYSIYA DI MAHKAMAH

**18. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed** minta Menteri Kehakiman menyatakan sejauh mana kejayaan yang dicapai dalam pelaksanaan Bahasa Malaysia di Mahkamah-mahkamah di semua peringkat seluruh negara.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya tidak bertujuan untuk menjawab soalan ini kerana saya telahpun menjawab soalan yang sama pada 29 Januari, 1991. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

#### KRISIS TELUK—KESAN EKONOMI NEGARA

**19. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana ekonomi negara terjejas oleh sebab pencerobohan Iraq ke atas Kuwait pada 2 Ogos 1990 dan keadaan tidak pasti di Timur Tengah dan akibat darinya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini telah saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 11 Januari 1991. Saya tidak bercadang untuk membuat sebarang jawapan tambahan.

#### TOL JALAN CHERAS—KUTIPAN

**20. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan terus kutipan tol di Plaza Tol Jalan Cheras, Kuala Lumpur;
- (b) Apakah Kerajaan sedar bahawa terdapat beberapa syarikat asing memperolehi faedah daripada penguatkuasaan kutipan tol di Plaza Tol Jalan Cheras.

**Timbalan Menteri Kerja Raya  
(Tuan Kerk Choo Ting):**

- (a) Jawapan kepada soalan (a) dari Ahli Yang Berhormat telahpun diberi dalam Dewan yang mulia ini pada 17.1.91 ketika saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar.
- (b) Projek oleh Syarikat Teratai K.G. seperti membina jejambat di Jalan Cheras dan juga tempat-tempat yang ditetapkan di Kuala Lumpur oleh Dewan Bandaraya adalah dilaksanakan secara penswastaaan. Perlantikan kontraktor asing dan juga khidmat-khidmat profesional lain dari luar negeri bagi projek itu adalah semata-mata keputusan "commercial" oleh syarikat itu.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (8hb Februari, 1991).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sila sambung.

3.37 ptg.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, gaji yang diberikan kepada hakim-hakim Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi di Malaysia adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan ketua eksekutif atau pengurus besar di bank, syarikat-syarikat besar dan badan-badan berkanun yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, perkara itu sudah disentuh.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, saya hendak sebutkan lebih teliti lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nanti banyak masa yang diambil.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tahu pada masa kini gaji-gaji ketua eksekutif bank dan syarikat-syarikat besar adalah dalam lingkungan \$15,000 hampir \$20,000 sebulan dah hakim-hakim di negara kita dibayar dalam lingkungan \$5,500 hampir \$7,000. Akan tetapi, tanggungjawab dan peranan yang dipegang oleh hakim-hakim tidak boleh dibandingkan dengan mereka yang memegang jawatan seperti ketua eksekutif, pengurus besar bagi syarikat-syarikat besar. Tetapi kedudukan hakim di negara kita ini tidak diambil berat oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan gaji sebanyak \$110 yang dicadangkan kepada hakim yang tertinggi di Malaysia, Ketua Hakim Negara, iaitu Lord President, melalui pindaan Akta Saraan Hakim 1971 adalah sangat memalukan dan satu penghinaan yang nyata kepada hakim-hakim oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jika kami ambil berat untuk meninjau kepada masyarakat, kami akan mendapati bahawa bahkan setiausaha di syarikat-syarikat swasta boleh mendapat penambahan gaji lebih daripada \$110 setahun. Pindaan gaji-gaji hakim yang dicadangkan adalah terang menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak menghormati Kehakiman iaitu Kehakiman is another branch of government, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sangat kecewa bahawa pihak Kerajaan memilih untuk menggunakan Parlimen

sebagai satu vehicle, dengan izin, untuk melanjutkan penghinaan kepada para hakim selepas memecat Ketua Hakim Negara yang dahulu iaitu Tun Salleh Abas. Seperti yang diketahui, pemecatan Tun Salleh Abas adalah sangat malu dan hina bagi kehidupan masyarakat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, perkara pemecatan Ketua Hakim Negara itu tidak ada kaitan dengan saraan hakim.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya, ini saya hendak beri background sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah juga sangat terang bahawa . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, background ini tidak ada kena mengena dengan ini. Jangan beri, kita masih banyak perkara untuk diselesaikan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini mesti bersabit dengan gaji hakim. Ini adalah juga sangat terang bahawa selepas Tun Salleh Abas dipecatkan seluruh para hakim telah dipaksa untuk mematuhi tokoh-tokoh politik yang tertentu yang tidak menghormati undang-undang dan kebebasan Kehakiman.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat diperingatkan perkara yang tidak ada kaitan dengan saraan hakim jangan dibawa. Kalau tidak, saya tidak benarkan Yang Berhormat meneruskan ucapan. Saya terpaksa tegas ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tetapi saya hendak terangkan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita masih banyak perkara yang perlu diselesaikan dan jangan buang masa.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini ada berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya minta kerjasama dari Yang Berhormat.

**Tuan Wee Cho Keong:** Ini berkaitan, oleh kerana . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya tidak benarkan, itu tidak ada kaitan dengan saraan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Okay, sabar.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kami merasa kecewa dan terpaksa mengeluarkan ucapan dan melalui pindaan ini untuk meluluskan penambahan gaji sebanyak \$110 kepada Hakim yang mula memegang jawatan pada 1hb Oktober, 1988 atau telah dilantik selepas tarikh ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Barisan Nasional, kenapa memilih 1hb Oktober, 1988 sebagai tarikh penentuan dan tidak pada tarikh yang masyhur iaitu 1hb Mei, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, 1hb Oktober, 1988 telah dipilih sebagai tarikh yang istimewa dan sangat nyata bagi pihak Kerajaan untuk menahan ketiga-tiga Hakim yang tidak wajar dipecatkan iaitu Tun Salleh Abas, Wan Sulaiman Pawanteh dan Dato' George Seah sebelum 1hb Oktober, 1988 daripada menerima kemudahan-kemudahan atau benefit di bawah pindaan yang dicadangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu adalah sangat terang bahawa pindaan-pindaan kepada Akta Gaji Hakim 1971 bermaksud untuk memotong kedua-dua belah, satu ialah menghina para Hakim dan sebaliknya untuk menafikan ketiga-tiga Hakim yang telah dipecat pada

tahun 1988 daripada kemudahan-kemudahan atau benefit, dengan izin. Ini hanya satu strategi daripada Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan ketaatan para Hakim, dengan izin, obedient Judiciary, di mana tidak akan menimbulkan masalah kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa Dr Mahathir telah terlupa apa yang beliau telah perkatakan di Asean Law Association Conference pada 26hb Oktober, 1982 bahawa, saya quote:

"I will always respect the independence of Judiciary. We do not expect the court to be pro or anti Government, only pro the Constitution and the law. The Government always considers the Constitution and the law carefully before we do anything. So we expect Judiciary to be free to check our alleged trespassers without fear or favour, but in accordance with law or evidence and procedure and justly and fairly. We shall always respect their judgement."

Tuan Yang di-Pertua, dari pindaan-pindaan ini adalah terang menunjukkan bahawa ucapan Dr Mahathir pada tahun 1982 hanya kata-kata manis untuk memperbodohkan masyarakat kita. Di bawah pentadbiran Dr Mahathir, kami saksikan banyak Akta yang diluluskan adalah menghalang rayuan daripada rakyat kepada mahkamah dan dengan kesan retrospective seperti Rang Undang-undang atau Bill yang wujud sebelum kami. Ini adalah satu aliran atau arah yang kurang sihat. Retrospective Bill ini akan berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha pihak Kerajaan untuk menarik minat masyarakat terhadap kebaikan pihak Kerajaan dan prinsip separation of power, dengan izin, mesti terdapat pengawalan tempoh pemegangan

sesuatu jawatan untuk Hakim-hakim. Hakim-hakim tidak sepatutnya dicaci dan dihina oleh pihak Kerajaan. Pihak Kerajaan sepatutnya melindungi kebebasan Kehakiman di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya berharap pihak Kerajaan dapat menarik balik Rang Undang-undang yang buruk ini dan menggantikan dengan yang lain, yang mana dapat mengimbang tanggungjawab dan kedudukan Hakim-hakim di negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kuala Kedah. Selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.44 *ptg.*

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

Sebelum saya berhujah lebih panjang lagi, inginlah saya menyentuh sedikit berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh sahabat-sahabat kita daripada parti Pembangkang, daripada DAP—sudah tiada, sudah keluar—berkenaan dengan kenaikan yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan, dengan adanya pindaan yang dibuat kepada Jadual Pertama (Seksyen 2 (1)) Akta Saraan Hakim. Pihak Pembangkang menyatakan kenaikan ini adalah amat sedikit sekali, bahkan menghina kepada Hakim-hakim tetapi bagi saya, kenaikan ini sungguhpun sedikit tetapi tidaklah saya percaya dengan tujuan untuk menghina Hakim-hakim. Sungguhpun pindaan ini khasnya di bawah Huraian yang dibuat di bawah pindaan ini mengatakan ini adalah kenaikan gaji bulanan iaitu disebut di

sini: "Fasal 3 bertujuan meminda Jadual Pertama kepada Akta untuk memperuntukkan kenaikan gaji bulanan Hakim-hakim". Tetapi dalam masa pembentangan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman, Yang Berhormat Menteri Kehakiman menyatakan ini adalah pelarasan gaji. Saya pun tidak faham apakah bezanya di antara pelarasan gaji dengan kenaikan gaji. Mungkin ada lagi satu exercise untuk kenaikan gaji, bukan sahaja kepada Hakim-hakim tetapi kepada semua pegawai-pegawai, oleh sebab kita dapat tahu baru-baru ini kenaikan gaji yang sebenarnya belum lagi dipertimbangkan oleh Kerajaan, apa yang dipertimbangkan ialah pelarasan gaji dan kenaikan gaji akan diberi kemudian. Bahkan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan satu kenaikan gaji sementara iaitu 5% kepada gaji pokok pegawai-pegawai yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, itu perkara yang pertama, saya rasa kalau ini adalah satu pelarasan gaji, bukan kenaikan gaji, ini adalah sama juga dengan pegawai-pegawai lain. Begitulah juga saya lihat Bill berkenaan dengan Ketua Audit Negara, sama juga—\$110. Kalaulah pihak Pembangkang mengatakan ini satu penghinaan kepada Hakim-hakim, Ketua Audit Negara pun terhina jugalah, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat ini bukanlah tujuan dan hasrat Kerajaan dengan adanya Rang Undang-undang berkenaan dengan Saraan Hakim ini.

Yang keduanya, pihak Pembangkang juga mempertikaikan tarikh penguatkuasaan Rang Undang-undang ini iaitu 1hb Oktober, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak perlu dipertikaikan lagi, oleh sebab sudah jelas daripada penerangan Yang Berhormat Menteri sendiri, begitulah juga dengan

kenyataan yang sebenar berkenaan dengan pelarasan gaji kepada pegawai-pegawai yang lain, begitulah juga dengan penguatkuasaan jika diluluskan kelak berkenaan dengan Akta untuk Ketua Audit Negara, serupa juga tarikhnya 1hb Oktober, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini adalah selaras dengan semua pegawai-pegawai yang lain, tidaklah sesuai bagi satu-satu undang-undang itu dibuat hanya untuk satu-satu orang sahaja. Kalaulah pihak Pembangkang mengatakan patut dimasukkan juga tarikh yang boleh memberi peluang kepada bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas untuk menikmati kenaikan ini, maka sudah tentulah tarikhnya bukan 1hb Mei, 1988 seperti yang disebutkan oleh Wakil dari Bukit Bintang tadi, tetapi yang sebenarnya kalaulah hendak dimasukkan Tun Salleh Abas tentulah 7hb Ogos, 1988 sebab Tun Salleh Abas diberhentikan daripada jawatannya pada 8hb Ogos, 1988.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya satu-satu undang-undang itu bukanlah dibuat khas untuk satu-satu orang sahaja. Tujuan diadakan undang-undang ialah untuk memberi kesan kepada keseluruhan dan seberapa banyak yang boleh kepada rakyat di dalam negara kita ini. Kalau kita hendak buat undang-undang dengan tarikh yang khas untuk seseorang seperti Tun Salleh Abas, bagaimana pula dengan hakim-hakim yang lain, Tuan Yang di-Pertua, yang telah bersara sebelum Tun Salleh Abas. Bagaimana pula dengan Justice Chang Min Tat, bagaimana pula dengan Justice Ismail Khan—bekas President Senate kita yang telah bersara sebelum itu. Sudah tentulah satu-satu undang-undang itu tidak sesuai jika kita hendak buat hanya untuk seseorang. Tidak habis kalau kita hendak ambil kira tiap-tiap orang yang terlibat di dalam exercise ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidaklah menjadi masalah dan tidaklah pula hasrat Kerajaan untuk mengecualikan seseorang hakim daripada menikmati kenaikan ini ataupun pelarasan gaji ini, tetapi hanya hendak menelaraskan dengan tarikh kuatkuasanya pelarasan gaji bagi kumpulan "A", "B" dan "C" iaitu pada 1hb Oktober, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah bukan satu penghinaan, tetapi ini adalah satu penghormatan dan satu pengakuan oleh Kerajaan bahawa hakim-hakim kita telahpun menjalankan tugas dengan begitu baik selama ini, bahawa hakim-hakim kita telahpun bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan kes-kes di mahkamah yang banyak sekali sejak kebelakangan ini. Jadi, inilah balasannya bagi usaha-usaha mereka untuk menyelesaikan kes-kes yang tertangguh iaitu "backlog cases" dan kes-kes baru yang didaftarkan di dalam negara kita ini.

Saya rasa juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya satu penghormatan yang diberi oleh Kerajaan kepada hakim-hakim dan dengan adanya pelarasan gaji ini, maka hakim-hakim perlulah juga menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan lagi di masa-masa yang akan datang, bahkan dengan lebih baik lagi. Jikalau sekiranya tidak cukup jumlah hakim-hakim di negara kita ini saya menyerulah kepada pihak Kerajaan untuk memberi pertimbangan supaya dengan adanya gaji yang baru dan menarik maka ambillah lagi hakim-hakim untuk berkhidmat di mahkamah-mahkamah kita. Banyak pegawai undang-undang ataupun peguam yang boleh menduduki tempat hakim ini dan yang boleh dilantik oleh Kerajaan untuk menduduki tempat hakim ini. Banyak peguam-peguam, misalannya, yang telah berkhidmat begitu lama sekali sehingga 20 atau 25 tahun—tidak termasuk sayalah, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini bagi pihak rakan-rakan kita di dalam Majlis Peguam supaya

diadakan persefahaman di antara Kerajaan dengan Majlis Peguam, di antara peguam dengan mahkamah dan di antara Kerajaan dengan mahkamah supaya pentadbiran undang-undang dan juga keadilan di dalam negara kita ini dapat dijalankan untuk kepentingan rakyat keseluruhannya.

Satu perkara yang ingin saya ingatkan dan juga hendak tanyakan kepada pihak Menteri iaitu sungguhpun saya katakan ada banyak pengamal-pengamal undang-undang yang layak dilantik menjadi hakim yang betul-betul committed dengan negara kita, yang taat setia kepada negara kita, yang patut dilantik menjadi hakim, tetapi saya difahamkan ada juga, perlantikan hakim ini dibuat kepada orang-orang yang telahpun meninggalkan negara kita dengan begitu lama, telahpun bermastautin di negara asing dan berkhidmat dengan kerajaan negara asing dan telahpun mendapat permanent resident status, dengan izin, tetapi dilantik menduduki di dalam jawatan Kehakiman di negara kita ini. Ini yang saya difahamkan dan sama ada ini benar atau tidak, saya hendak minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Seperti yang saya katakan tadi, sudah terbukti bahawa kita ada begitu ramai pengamal-pengamal undang-undang yang layak dan berpengalaman dan yang boleh berbahasa Malaysia, khasnya peguam-peguam yang kanan di dalam negara kita ini yang boleh berbahasa Malaysia seperti yang disebutkan oleh seorang Pesuruhjaya Kehakiman baru-baru ini sampai beliau memuji bahawa banyak peguam-peguam kita sekarang ini menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah.

Sungguhpun ada orang-orang yang layak begini, orang-orang yang berpengalaman yang boleh berbahasa Malaysia untuk melaksanakan dasar Kerajaan menggunakan Bahasa Malaysia di mahkamah, tetapi Kerajaan masih lagi perlu mengambil orang yang telahpun tidak yakin kepada negara kita,

meninggalkan negara kita, bermastautin di negara lain dengan keluarganya dan mendapat permanent resident status, maka apabila kembali pula dilantik pula sebagai hakim. Adakah kita boleh yakin kepada orang macam ini untuk mentadbirkan undang-undang dan keadilan di negara kita ini? Saya cuma hendak minta penjelasan daripada pihak Menteri. Kalau tidak ada jawapan pun janganlah jawab "akan dikaji, akan dirujuk atau akan disemak". Saya percaya banyak pegawai-pegawai kehakiman yang duduk di belakang dan boleh mintalah mengenai maklumat ini. Saya hendakkan jawapannya hari ini juga sebab ini sudah menjadi satu masalah kepada pengamal-pengamal undang-undang di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah harapan saya supaya dengan adanya pelarasan gaji dan mungkin kenaikan gaji di masa-masa yang akan datang, maka banyak lagi pengamal undang-undang yang sanggup tampil ke hadapan untuk menerima perlantikan ke jawatan hakim ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang juga banyak menyatakan bahawa gaji hakim ini sedikit. Sedikit sekali, katanya, kalau sekiranya kita bandingkan dengan gaji hakim di negara Singapura, misalannya. Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan negara Singapura maka hakim di negara Singapura mendapat gaji hingga \$20,000 sebulan—duit kita. Jadi, kalau kita bandingkan dengan Singapura memang sedikitlah gaji hakim kita. Gaji hakim kita di Mahkamah Tinggi ialah \$5,570. Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, itu bukanlah sedikit kalau kita tengok dan kita bandingkan dengan gaji pegawai-pegawai lain di dalam negara kita. Bukan ini sahaja kemudahan yang diberi kepada hakim kita, tetapi banyak lagi kemudahan-kemudahan lain, misalannya, kemudahan rumah ataupun elaun rumah, kalau tidak ada rumah Kerajaan akan beri elaun rumah sebanyak \$2,000

sebulan dan juga elaun keraian, juga \$2,000 sebulan kepada para-para hakim. Kalau kita jumlahkan ada dekat \$10,000, Tuan Yang di-Pertua, pihak hakim akan mendapat imbuhan atau ganjaran sebagai hakim.

Jadi, saya percaya gaji dan ganjaran yang diberi kepada hakim ini amatlah sesuai pada masa ini kalau kita bandingkan dengan gaji pegawai-pegawai lain. Bahkan dengan Perdana Menteri sekalipun,—saya ingat Perdana Menteri dapat gaji \$8,000 sebulan, kalau tidak silap saya. Saya pun lupa—tidak pernah jadi Perdana Menteri sebab itu saya tidak ingat fasal gaji ini. Jadi, saya ingat \$8,000 sebulan gaji Perdana Menteri—tidaklah berbeza jauh sangat dengan gaji hakim, khususnya, Ketua Hakim Negara yang mendapat hampir \$7,000 sebulan. Perdana Menteri Singapura, kalau tidak silap saya, mendapat \$36,000 sebulan—dollar Singapura. Boleh jadi kalau convert kepada ringgit Malaysia, hampir kepada \$50,000. Jadi, beza gaji hakim Singapura dengan gaji Perdana Menteri Singapura adalah \$30,000 sebulan, tetapi kita di sini bezanya cuma \$3,000 sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini amatlah adil sekali kalau kita bandingkan gaji di antara hakim dengan pegawai-pegawai yang lain di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharaplah dengan adanya kenaikan gaji ini, maka pihak Hakim-hakim akan menjalankan tugas mereka dengan penuh taat dan tidak berbelah-bahagi kepada negara kita ini. Oleh sebab ada sungutan-sungutan yang mengatakan perkara ini berlaku, saya juga berharaplah mahkamah-mahkamah ataupun para-para Hakim apabila memberi keputusan hendaklah juga memberi alasan-alasan keputusan itu ataupun hendaklah beri keputusan ataupun hukuman secara bertulis supaya semua orang faham apakah sebab-sebabnya satu-satu mahkamah atau Hakim itu membuat keputusan. Kita

tidak mahu undang-undang ini menjadi satu mystery kepada rakyat, menjadi satu perkara yang tidak difahami oleh rakyat. Kita hendak semua orang faham apa yang berlaku di mahkamah. Bagaimana satu-satu keputusan dibuat dan apakah alasan-alasan dan sebab kepada satu-satu keputusan itu dibuat.

Jadi, saya berharaplah khasnya Mahkamah Agung supaya apabila membuat keputusan hendaklah juga memberi alasan ataupun membuat keputusan secara bertulis sebagai panduan kepada litigents dan kepada peguam-peguam yang akan memberi penjelasan kepada pelanggan-pelanggan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya berharap satu perkara lagi berkenaan dengan mutu pengadilan atau mutu kemudahan-kemudahan untuk Hakim-hakim dan mahkamah-mahkamah dapat dipertingkatkan lagi oleh sebab setakat untuk memberi kenaikan atau pelarasan gaji ini, tidak mencukupi jika kita tidak ada kemudahan-kemudahan yang lain seperti mengadakan pegawai-pegawai yang membantu di mahkamah atau, dengan izin, supporting staff yang saya maksudkan. Begitulah juga mahkamah-mahkamah hendaklah diperbaharui atau dibinakan mahkamah-mahkamah yang lebih selesa di dalam negara kita ini. Saya dapati banyak mahkamah-mahkamah di dalam negara kita ini tidak sampai kepada peringkat yang kita harapkan. Bilik-bilik mahkamah amatlah sempit sekali dan juga kemudahan-kemudahan seperti alat-alat kipas angin ataupun hawa dingin selalunya rosak. Saya tidak faham kenapa tiap-tiap kali saya pergi ke mahkamah di Alor Setar itu, hawa dinginnya rosak. Barangkali depa tahu saya hendak pergi ke mahkamah. Kalau hari lain saya tidak tahu tetapi hari yang saya pergi, tiap-tiap kali saya pergi rosak. Jadi, kita ini bagi gaji yang tinggi

kepada pengamal-pengamal undang-undang kita, kita beri taraf yang tertinggi kepada Hakim-hakim kita, tetapi bagaimana mereka hendak jaga maruah di dalam suasana yang panas di Mahkamah. Bolehkah mereka pakai gown dan coat dengan macam-macam lagilah sebagai pakaian Hakim kalau suasana mahkamah itu panas, dengan tiada, dengan izin, ventilation, tidak ada hawa dingin dan sebagainya.

Jadi, saya berharaplah, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita hendak beri gaji yang tinggi ini tetapi kita juga beri kemudahan-kemudahan mahkamah yang selesa untuk menjalankan kehakiman dan pengadilan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara. Kita juga hendak melihat bahawa semua pihak di dalam pelaksanaan undang-undang ini dapat bekerjasama di antara satu sama lain. Selalunya kita dapat melihat bahkan di dalam Dewan yang mulia ini, ada juga peguam-peguam yang menjadi Ahli Dewan Rakyat yang membuat ucapan-ucapan yang berupa atau bercorak konfrantasi di antara peguam dengan Kerajaan ataupun di antara Majlis Peguam dengan Perdana Menteri. Ini merugikan semua pihak dan merugikan negara. Kalau boleh, kita hendak melihat kerjasama dapat diwujudkan di antara peguam dan Kerajaan, di antara peguam dengan Hakim-hakim dan mahkamah, khasnya Majlis Peguam dengan Perdana Menteri kita. Sebab kalau ada kerjasama ini, maka akan adalah timbul semangat saling bantu-membantu di antara satu sama lain khasnya apabila kita hendak menggubal undang-undang. Selalunya kita menghadapi masalah, kita selalunya banyak menghadapi kritik-kritik kepada Rang Undang-undang kita. Mungkin oleh sebab kita tidak ada kerjasama di antara satu pihak dengan pihak yang lain. Tidak salah kalau kita ada satu kerjasama antara Majlis Peguam dengan Kerajaan

misalannya atau Majlis Peguam dengan Kamar Peguam Negara misalannya apabila kita hendak menggubalkan satu-satu undang-undang.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Ini adalah untuk kita dapat menggubalkan undang-undang yang lebih bermutu dan tidak dapat dikritik oleh mana-mana pihak. Seperti yang saya katakan dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencen tempoh hari supaya tiap-tiap kali kita buat Rang Undang-undang ini, pindaan-pindaan yang dibuat ini, tidak payah lagi kita hendak buat pindaan selepas kita dapat teguran-teguran. Saya masih ingat lagi, pada satu masa dahulu, kita ada buat pindaan kepada Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara. Selepas teguran-teguran dibuat, maka 3 bulan selepas pada itu, satu lagi pula pindaan dibuat kepada pindaan Kanun Tanah Negara itu. Ini menunjukkan satu penggubalan yang tidak cekap, satu penggubalan yang tidak baik sehingga menimbulkan masalah yang perlu pula pindaan-pindaan dibuat selepas itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah sedikit sebanyak pandangan-pandangan saya dalam membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Diminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.07 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Yang Berhormat dari Kuala Kedah

yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat beberapa penjelasan secara umum dan khusus kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Jelutong dan Bukit Bintang.

Nampaknya jelas sekali kedua-dua Ahli Yang Berhormat tidak faham atau sengaja tidak mahu faham dan buat-buat tidak faham dengan tujuan mengelirukan Dewan yang mulia ini. Sebagai menjawab hujah yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Bukit Bintang, suka saya menerangkan bahawa soal yang di hadapan kita hari ini adalah semata-mata untuk membuat pindaan tertentu kepada Akta Saraan Hakim yang bertujuan untuk menyelaraskannya bersama kenaikan gaji yang diterima oleh pegawai-pegawai awam dalam Kumpulan A. Malangnya, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan juga Bukit Bintang seperti biasanya telah memutarbelitkan kedudukan sesuatu perkara yang begitu jelas dengan memberikan implikasi-implikasi yang buruk daripada keadaan yang begitu jelas dan nyata.

Tuan Yang di-Pertua, tarikh kuatkuasa kenaikan gaji ini pada 1 Oktober 1988 bukanlah bertujuan untuk menafikan bekas Ketua Hakim Negara yang telah diberhentikan pada 8 Ogos 1988 ataupun Hakim-hakim lain yang telah diberhentikan pada 4 Oktober 1988. Ini adalah kerana secara kebetulannya tarikh kuatkuasa kenaikan gaji pegawai-pegawai awam dalam Kumpulan A adalah pada 1 Oktober 1988 dan faedah ini kemudiannya diperpanjangkan kepada para Hakim dan diselaraskan mulai tarikh yang sama.

Yang sebenarnya, para Hakim mempunyai hak di bawah Perlembagaan kita dan di bawah Akta Saraan Hakim

apabila seseorang hakim dibayargaji dan ditentukan maka gajinya tidak boleh dipinda jika ia mendatangkan kerugian kepada para Hakim. Tetapi bagi pegawai-pegawai Kerajaan, gaji mereka diturunkan 10% pada 1 Januari 1987 yang tidak melibatkan para Hakim.

Pada kali ini apabila kita naikkan gaji, menyelaraskan gaji kepada Pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan A, maka Kerajaan juga telah bersetuju untuk menyelaraskan gaji ini supaya para Hakim juga sesuai dengan taraf dan kedudukan mereka untuk dinaikkan gaji mengikut penyelarasan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh kesal dengan sikap yang diambil oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Bukit Bintang yang telah mengatakan \$110 ini sebagai satu penghinaan. Saya percaya ini adalah semata-mata timbul daripada keangkuhan Ahli-ahli Yang Berhormat itu sendiri. Ingin saya tegaskan di sini bahawa semua Hakim yang telah bersara akan dapat menikmati kenaikan gaji ini dalam bentuk kenaikan pencen yang akan dikira berdasarkan penyelarasan gaji baru seseorang Hakim. Bermakna bekas Ketua Hakim dan Hakim-hakim yang telah di-berhentikan mempunyai hak untuk mendapat penyelarasan daripada segi adjustment, dengan izin, kepada pencen mereka.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Apakah pendapat Yang Berhormat sekiranya selain pelarasan dengan tanggagaji yang telahpun dipindahkan kepada para pegawai yang lain, satu kajian yang lengkap yang diadakan untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya paras gaji kepada Hakim sekarang. Sama ada selaras dengan taraf kehidupan di negara

ini ataupun sama ada kalau kita naikkan paras ini kepada paras yang lebih tinggi, maka akan memainkan peranan yang lebih efektif, lebih efisien, lebih inisiatif. Bolehkah Yang Berhormat memberi pendapat dengan secara ikhlas dan jujur ke atas hal ini.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, bila Kerajaan bercakap, ia sentiasa memberikan pandangan yang ikhlas dan jujur. Saya tak tahu berkenaan parti Pembangkang. (*Tepuk*) Sebagaimana saya katakan, di dalam pindaan Akta ini ia hanya bertujuan untuk menyelaraskan gaji bila tiba masanya sesuai, ia dianggap perlu untuk membuat apa-apa perubahan, perubahan tersebut akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong juga berkenaan gaji Hakim Besar Malaya dan gaji Hakim Besar Borneo, ini juga saya fikir mempunyai bau politik dan bertujuan politik mengatakan dua gaji yang berlainan ini adalah menghina kepada Hakim Besar Borneo. Yang sebenarnya kalau kita lihat dari segi kedudukan Hakim Besar Borneo daripada segi span of control, dengan izin, Hakim Besar Malaya lebih luas dengan 33 Mahkamah Tinggi dan Hakim Besar Borneo mempunyai Mahkamah Tinggi yang lebih kurang daripada itu, tetapi walau bagaimanapun, memandangkan kedudukan di Sabah dan Sarawak, selain daripada gaji pokok yang dapat, Hakim Besar Mahkamah Borneo juga dibayar elaun tambahan sebanyak 10% atas gaji yang sedia ada. Ini bermakna Hakim Besar Borneo dengan secara hakikatnya menerima gaji yang lebih daripada Hakim Besar Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat juga . . . .

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Tumpat bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit sahaja iaitu tentang Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Borneo. Saya kira Malaya dan Borneo ini tak wujud lagi dalam peta dunia ini. Masa kita dijajah oleh Inggeris dahulu istilah ini juga digunakan. Sekarang kita telah menjangkau begitu jauh, tetapi istilah Borneo dan Malaya ini masih wujud dalam istilah Kehakiman. Apakah pihak Yang Berhormat tidak ada cadangan untuk merubah satu istilah yang lebih sesuai? Terima kasih.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkataan ini masih lagi digunakan di dalam undang-undang kita, insya Allah, apabila kita membuat pengkajian semua perkataan-perkataan yang tidak mempunyai kesesuaian dan relevant pada masa ini akan diubah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat yang kedua-dua Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Jelutong ini sudah tak ada di sini, yang sebenarnya mereka telah mengambil masa yang begitu panjang dan pada pendapat saya telah menyalahgunakan kedudukan dan masa. Dewan yang mulia ini untuk membawa dan membahaskan perkara-perkara yang tidak relevant. Dengan tindakan Yang Berhormat, saya menganggap mereka sendirilah, bukan mahkamah yang dicemar oleh Kerajaan, mereka telah mencemar mahkamah dan sekali lagi cuba mengheret institusi kehakiman bagi kepentingan politik sempit DAP (*Tepuk*) dalam . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong bangun lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kedua-dua Yang Berhormat ini mempunyai pendapat yang tertentu kerana mereka tidak begitu puas hati dengan tanggaji dan paras tahap gaji yang didapati oleh Hakim. Mereka memang mempunyai pendapat yang dipilih oleh pengundi-pengundi untuk menyampaikan pendapat seperti ini.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, dua peguam terpaksa dibela oleh seorang doktor. Bukan soalnya mereka mempunyai hak, saya bersetuju seorang Ahli Dewan mempunyai hak untuk membahaskan perkara-perkara yang bersangkutan dengan undang-undang, tetapi di dalam membahaskan jangan kita heret perkara-perkara yang tidak mempunyai hubung-kait dengan saraan dan menggunakan sesuatu perkara yang bersangkutan-paut dengan politik, membawa kes berkenaan dengan kebebasan kehakiman, membawa soal berkenaan pemberhentian Tun Salleh Abas. Ini perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena. Kalau kita jujur dan ikhlas, kita bincangkan kedudukan kehakiman dari segi saraannya sahaja. Itu yang saya maksudkan.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bukit Bintang bangun.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sangat sedih hati oleh kerana Yang Berhormat Menteri walaupun sebagai seorang peguam juga backgroundnya tidak faham prinsip kebebasan kehakiman. Kalau kita tidak memberi hakim-hakim di negara kita dengan gaji yang baik, yang tinggi, bagaimana kita boleh dapat kebebasan kehakiman dalam negara kita? Juga, bukannya soal DAP atau parti politik, saya rasa seluruh negara kita pun rasa kenaikan gaji \$110

ini tak patut, oleh kerana tahap dan kedudukan hakim-hakim di negara kita. Kalau kita banding Hakim-hakim di negara kita dengan Singapura atau negara Komanwel, gaji mereka masih tinggi lagi daripada Hakim-hakim kita. Terima kasih.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tadi bila saya bercakap, Yang Berhormat tak ada. Saya kata Yang Berhormat tak faham atau cuba tak faham. Kita bukan bercakap berkenaan tanggagaji, kita bercakap berkenaan dengan pelarasan gaji. Pelarasan gaji bermaknanya, dengan izin, alignment ataupun adjustment kepada gaji yang sedia ada. Jadi tidak timbul soal berkenaan dengan gaji sedikit. Soal gaji sedikit di Malaysia ini dibandingkan dengan Singapura, kalau dibandingkan Menteri di sini pun gaji sedikit, Perdana Menteri pun gaji sedikit. Ini semua soal perbandingan yang tidak mungkin dipersetujui oleh semua pihak. Apa kena-mengena gaji dengan kebebasan? Kalau bercakap berkenaan kebebasan, saya beranggap, Yang Berhormat sebagai seorang peguam saya percaya, juga tidak faham dengan satu nada Yang Berhormat mempersoalkan tentang kebebasan kehakiman, sudah mati kononnya. Di sebaliknya, dengan nada yang lain Yang Berhormat pula hendak jadi juara kepada Hakim-hakim. Ini adalah satu perkara yang menunjukkan Yang Berhormat cuba memainkan peranan yang tidak jujur di dalam membincangkan isu institusi kehakiman. Kita cuba menjejaskan nama baik, mencemar status nama baik institusi itu sendiri.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah membawa soal krisis keyakinan yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Saya menganggap krisis keyakinan ini adalah semata-mata dalam rangka pemikiran Yang Berhormat sahaja. (*Tepuk*) Selama inipun kedua-dua Yang Berhormat peguam mencari rezeki dan mencari nama dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong jangan cuba mempersendakan agama Islam dengan mengaitkannya dengan soal perlantikan Hakim wanita. Selama inipun Yang Berhormat sendiri tidak pernah menyokong apa jua yang berkaitan dengan soal agama Islam.

Suka saya tegaskan di sini bahawa perlantikan seorang hakim itu adalah berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan, iaitu Fasal atau Artikel 122B. Saya juga merasa hairan mengapa Yang Berhormat sentiasa membawa isu hukum Islam dalam soal dadah dan ISA. Kalau betul-betul Yang Berhormat dari Jelutong betul-betul berniat untuk mengetahui dan menghayati hukum-hukum Islam, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat belajar dan mengambil kursus lanjutan ijazah di Universiti Islam Antarabangsa.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Bukit Bintang bangun lagi.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi kata soal dadah dan ISA kita tidak bersetuju hukuman mati oleh kerana prosedur-prosedur di dalam mahkamah yang ada sekarang tidak ada di dalam kes ISA ataupun kes ISA tidak menurut prosedur yang biasa di dalam mahkamah. Tiada special power atau kuasa yang khas untuk evidence diambil in camera, tidak boleh dipersoalkan dan macam-macam ada sekatan. Yang itu kita menentang. Bukannya kita menentang Akta yang menjagakan keamanan negara kita. Yang kita mahu satu sistem yang adil. Bukannya seperti ISA. ISA itu sistem yang terpalang buruk. Itu yang kita ada satu prinsip . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Apa soalan, Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya mahu beri dia penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tolong singkatkan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Beri dia tahu sebarang soalan yang dibangkitkan.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya pun tidak faham fasal dia hendak buat ceramah dan syarahan kepada saya. Tetapi boleh saya mengatakan kalau dia dengar betul-betul, Tuan Yang di-Pertua, apa saya katakan tadi ISA dan dadah kalau hendak bertanya soalan berkenaan dengan bersetuju atau tidak bersetuju berkenaan ISA boleh. Tetapi jangan kaitkan dengan undang-undang Islam. Dan Yang Berhormat dari Jelutong bawa mengatakan bertanya berkenaan dengan undang-undang Islam. Jadi, kita bercakap berkenaan ISA dan dadah . . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya minta Yang Berhormat dari Kepong jangan kacau saya dahulu. Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan sekali lagi di sini bahawa pindaan ini dibuat berdasarkan kepada Seksyen 19(1) dan 19(2) Akta Saraan Hakim yang mana ianya diperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong boleh setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

Berbalik kepada soal, saya hendak tegaskan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita tahu juga Yang Berhormat dari Jelutong juga telah mengatakan kebebasan. Saya ambil apa Yang Berhormat katakan kebebasan hakakiman sudah tidak wujud, sudah mati. Saya seronok juga dengar orang yang bercakap, Yang Berhormat bercakap macam ini, sedangkan baru-baru ini dia telah menang kes untuk

mendapat kos terhadap Peguam Negara. Oleh kerana mahkamah itu bebas, sebab itulah dia dapat menang dalam kes ini. Bila menang, dia tidak berbunyi, bila dia kalah sahaja, dia kata mahkamah tidak lagi bebas. Ini adalah satu pandangan yang cetek.

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang Yang Berhormat dari Jelutong ada kes yang penting, ia tidak dapat hadir, dia di mahkamah. Jadi, Yang Berhormat Menteri tidak adillah bagi membidas dia semasa dia tidak ada di sini. Dan saya . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat membela Jelutongkah ataupun . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan bagi Yang Berhormat Menteri kerana dia sekarang Menteri Kehakiman yang mempunyai peranan dan kedudukan yang terpenting dari segi kehakiman. Dan patutlah dia menunjukkan keadilan dan kesaksamaan juga. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri tadi mengenai ugama, saya ada bincangkan dengan Yang Berhormat dari Jelutong mengenai hal-hal yang dibangkitkan oleh beliau. Beliau telah menerangkan kepada saya bahawa sebahagian daripada undang-undang di dalam apa yang disebutkan sebagai undang-undang Islam ada di dalam Granth Sahib dia, agama Sikh. Adakah Yang Berhormat itu cuba untuk memahami keadaannya.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri Kehakiman kerana saya bersikap adil saya membenarkan untuk memberi laluan kepada Yang Berhormat

dari Kepong. Tetapi kalau Yang Berhormat dari Kepong cuba bercakap bagi pihak—percakapannya tidak jelas oleh kerana orang itu tidak ada, takkan Dewan hendak ditangguhkan untuk saya menjawab. Saya tahu kitab agama Sikh 50% daripadanya divedok daripada Al-Quran, tetapi ini tidak menjadikan ia Al-Quran dan sama dengan Al-Quran ia berbeza. Kalau source barangkali daripada Al-Quran atau kitab-kitab lain, tetapi tidak menjadikan ianya kitab yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kerana telah dibawa berkenaan perkara ini, saya mintalah untuk kebaikan nama baik untuk menjaga status kehakiman, institusi kehakiman supaya Ahli-ahli Yang Berhormat, dari Jelutong dan juga Bukit Bintang sama bekerjasama, jangan menghubungkaitkan di dalam kita mempersoalkan kes ini dengan kes yang ambil ke atas bekas Ketua Hakim dan hakim-hakim yang lain. Kes itu adalah kes yang lama, yang sudah berlalu dan kita pun mengambil tindakan berasaskan kepada undang-undang, sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju dengan asasnya, itu adalah satu perkara yang lain.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Bukit Bintang.

**Tuan Wee Choo Keong:** Gangguan di sini mungkin Dewan ini mahu jatuh, ada snow.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Snow memang tidak ada, salji memang tidak ada di Malaysia.

**Tuan Wee Choo Keong:** Puteh-puteh itu apa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak mengapalah, bertenang sahajalah.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Belum saya cakap apa-apa, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Bintang sudah takut Dewan ini hendak jatuh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua burung tidak bersetuju dengan Yang Berhormat, burung pun tidak setuju. (*Ketawa*)

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya fikir, maaflah Yang Berhormat dari Kepong, saya memang suka dengan telatah Yang Berhormat dari Kepong, tetapi kalau bercakap fasal undang-undang, kita sentiasa berseloka, susah Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Saya hendak dapat penjelasan Menteri, adakah Yang Berhormat dari Kepong dia tahu bahasa burung? (*Ketawa*)

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak boleh Yang Berhormat. Sebenarnya kalau hendak minta penjelasan, cuma boleh merujuk kepada Yang Berhormat Menteri, bukan kepada Kepong.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya hendak balikkan kepada Yang Berhormat dari Kepong. Tadi saya tengok Yang Berhormat dari Bukit Bintang bercakap banyak berkenaan konsep pemisahan kuasa atau separation of powers. Saya suka beginilah, bila kita bercakap berkenaan konsep separation of powers, badan kehakiman ini, jangan kita anggap kalau kita memandang

tinggi dan mulia kepada badan kehakiman kita, jangan menganggap badan kehakiman kita tidak faham tentang tugas dan tanggungjawab mereka di dalam mentadbirkan keadilan di dalam negara kita. Tugas mereka bukanlah seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Jelutong yang mengatakan kalau tugas seorang hakim, dia menghentam Kerajaan tidak bersetuju dengan Kerajaan, itu bukan tugas hakim. Tugas hakim sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Jelutong ketahui adalah untuk mengadili satu-satu kes, itu penting. Dan apabila kita mengadili satu-satu kes, forumnya hanya di mahkamah, bukan forumnya di luar daripada mahkamah. Itu perlu kita dengan jelas, terang dan ingat memainkan peranan supaya kita tidak membangkitkan perasaan yang boleh mengheret mahkamah kepada arena politik. Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bukit Bintang.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih. Kita bukan mengheret mahkamah ke Dewan ini. Kita mesti faham prinsip hakim-hakim di negara kita, mereka tidak boleh campur di dalam Dewan ini atau di luar Dewan atau membuat apa-apa ucapan, oleh kerana mereka tidak boleh membela mereka sendiri luar daripada mahkamah. Merekapun tidak boleh menentang seperti pindaan ini walaupun mereka tidak bersetuju. Saya pun ada pendapat daripada hakim-hakim di negara kita, mereka tidak setuju dan menyesal oleh kerana Kerajaan membuat sedemikian.

Jadinya kita sebagai seorang Ahli Parlimen, kita mesti membangkitkan apa-apa . . . .

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, apa persoalannya?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan buat ucapan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak, saya memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini bukan hendak memberi penjelasan. Kalau hendak minta penjelasan, bolehlah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tidak, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, sama ada dia sedar atau tidak. Katanya Hakim-Hakim di negara kita, mereka tidak boleh menentang atau membidas apa-apa yang diluluskan atau dibincang di dalam Dewan ini. Mereka cuma nanti sanggup sahaja. Jadinya, kita sebagai seorang Ahli Parlimen, tugas kita ini adalah untuk membawa apa-apa yang mereka mahu capak di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan buat ucapan ya.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya kesihan dengan kawan saya ini. Tetapi tidak apalah, kerana dia hendak bercakap, saya tidak perlu respond kepada apa yang dia capak itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong berkenaan dengan perkataan yang digunakan di bawah Akta Saraan Hakim, berkenaan perkataan "Hakim Persekutuan". Oleh kerana sekarang Mahkamah Persekutuan tidak ada Hakim Persekutuan, tetapi mengikut peruntukan Perkara 121 (2) Perlembagaan Persekutuan, maka segala pindaan yang dibuat ke atas mana-mana rujukan kepada Mahkamah Persekutuan bolehlah dibaca sebagai Mahkamah Agung. Jadi, tidak ada membangkitkan apa-apa masalah. Kalau hendak menggunakan rujukan, bolehlah

kita rujuk kepada ungkapan Mahkamah Agung melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983, Akta A566.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertuan (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah bangun.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sila.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan berkenaan dengan Hakim Persekutuan. Saya difahamkan ada ura-ura pihak Kerajaan akan mewujudkan kembali Mahkamah Persekutuan sebagai satu lagi Mahkamah Rayuan sebelum pergi ke Mahkamah Agung. Mungkin oleh sebab itu tidak dipinda dalam pindaan ini ataupun adakah sebab yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu selaras dengan hasrat Kerajaan yang saya kata tadi.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bincangkan perkara yang tidak ada di dalam undang-undang. Jadi saya bercakap berkenaan perkara yang ada dalam undang-undang. Biar saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Ungkapan Mahkamah Persekutuan yang terkandung dalam Perkara 121(2), Perlembagaan Persekutuan iaitu peruntukan yang mewujudkan Mahkamah Agung telah diganti dengan ungkapan Mahkamah Agung melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 Akta A566 yang mula berkuatkuasa pada 1-1-1985.

Seksyen 18(2) Akta A566 tersebut mengatakan bahawa semua sebutan dalam atau di bawah Perlembagaan atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai Mahkamah Persekutuan dan Hakim-Hakim serta pegawai-pegawainya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan, dengan izin, shall be construed as references mengenai Mahkamah Agung dan Hakim-Hakim serta pegawai-pegawainya masing-masing. Jadi, itu tidak menimbulkan apa masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Berkenaan perkataan "terhenti" yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong yang digunakan di bawah seksyen 4 - Pemakaian, "terhenti" di sini dimaksudkan, dengan izin, cease to hold sebagaimana yang terkandung—cease to hold bermakna kalau kita baca di sini, "orang-orang yang tidak memegang jawatan pada 1hb Oktober 1988 tidak termasuk di dalam mereka yang layak menerima pelarasan gaji". Jadi ini kena dibaca bersama-sama dengan ayat sebelumnya atau ayat permulaannya untuk mendapat maksud perkataan "terhenti".

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang suka menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah berkenaan kedudukan Mahkamah. Saya mengucapkan terima kasih dan kita ambil perhatian di atas perkara-perkara yang tersebut. Berkenaan dengan kedudukan seseorang Hakim seperti yang ditimbulkan, apa yang saya suka jelaskan ialah perlantikan Hakim-Hakim adalah mengikut peruntukan Perlembagaan, Artikel 122B. Jadi apa-apa jua peruntukan jika ia bersesuaian dengan peruntukan undang-undang, maka Yang di-Pertuan Agong boleh melantik setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Itu sahaja.

Berkenaan dengan pengkajian tanggajaji ini, bila-bila masa sebagaimana saya katakan tadi akan dikaji, bila tiba masa yang sesuai. Akhir sekali saya mengucapkan . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Bukit Bintang bangun lagi.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Ya, boleh. Saya hendak habis dah ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Satu, yang akhir. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, di bawah seksyen 4 kenapa Kerajaan memilih 1hb Oktober 1988 sebagai tarikh penentuan dan tidak pada tarikh yang lain seperti tarikh yang masyhur itu—1st Mei, 1988, dengan izin.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini beberapa kali dia turunkan saya punya pangkat. (*Ketawa*) Terima kasihlah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, sudah jawab.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang sebenarnya saya sudah jawab. Saya mengatakan mengapa kita memilih. Tetapi jangan kita mempunyai sinister motive, memikirkan sesuatu yang dibuat semestinya oleh kerana ada pemberhentian, semestinya mempunyai hubung-kait—tidak. Ini kita buat semata-mata untuk memberikan manfaat kepada apa yang telah dilakukan kepada pegawai-pegawai dalam Kumpulan A. Dia adalah sesuatu yang extra yang dilakukan. Sebab itulah saya minta Yang Berhormat tidak usah memikirkan dengan cara pemikiran yang sedemikian rupa.

Oleh itu, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan di dalam perbahasan Akta Saraan Hakim (Pindaan) yang dibentangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Jawatankuasa)*

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG AUDIT (PINDAAN)

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

*4.40 ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bagi meminda Akta Audit 1957 dibacakan bagi kali kedua.

Akta Audit 1957 ialah suatu Akta yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit akaun-akaun Kerajaan Persekutuan, Negeri-negeri, pihak Berkuasa Awam dan lain-lain badan yang ditetapkan dan mengenai pembayaran gaji dan elaun kepada Ketua Audit Negara.

Rang Undang-undang bagi meminda Akta Audit 1957 ini adalah bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 11 yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong meminda peruntukan-peruntukan Jadual kepada Akta melalui perintah disiarkan dalam *Warta* dan meminda Jadual Pertama kepada Akta itu dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ribu dua ratus sepuluh" dalam perenggan 1(1) dan 1(2) dengan perkataan-perkataan "lima ribu tiga ratus dua puluh".

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 11 yang dicadangkan adalah untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong meminda peruntukan-peruntukan Jadual melalui perkara yang disiarkan dalam *Warta*. Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada keperluan merujuk untuk kelulusan Parlimen apa-apa pindaan peruntukan dalam Jadual Pertama kepada Akta Audit 1957, jika sekiranya ada perubahan gaji Ketua Audit Negara di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Jadual Pertama adalah untuk melaksanakan pelarasan gaji Ketua Audit Negara sebanyak \$110.00 sebulan yang berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1988. Cadangan pelarasan gaji Ketua Audit Negara ini adalah ekoran daripada keputusan Kerajaan memberi pelarasan gaji kepada semua pegawai perkhidmatan awam Kumpulan "A" sebanyak \$110.00 sebulan yang berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Pelancongan dan Kesenian (Dato' Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Audit 1957 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

4.44 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan pindaan ke atas Akta Audit 1957 yang bertujuan untuk melaksanakan pelarasan gaji Ketua Audit Negara dengan kadar sebanyak \$110 sebulan dan juga untuk memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk meminda peruntukan-peruntukan Jadual Pertama kepada Akta melalui perintah yang disiarkan di dalam *Warta*.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pelarasan ini adalah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional untuk menunjukkan kepada rakyat betapa pentingnya jawatan Ketua Audit Negara dalam sistem pentadbiran negara kita yang bercorak demokrasi. Dalam satu sistem pentadbiran yang bercorak demokrasi perlu ada satu sistem accountability ke atas semua perkara yang dilakukan oleh pihak Kerajaan, terutama sekali tentang akaun-akaun, tentang perbelanjaan, tentang pelaksanaan sesuatu dasar atau sesuatu projek yang dibuat oleh pihak Kerajaan. Semua ini adalah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga di dalam Akta Audit 1957.

Jawatan Ketua Audit Negara adalah satu jawatan yang amat penting kerana kalau tidak ada jawatan Ketua Audit

Negara, ini bermakna bahawa sistem accountability tidak ada dan juga bahawa pihak Kerajaan boleh membelanjakan dan membuat apa-apa sahaja dengan sewenang-wenangnya. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun peruntukan-peruntukan tertentu telah dimasukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, sungguhpun Akta telah diluluskan di Dewan yang mulia ini, tetapi prinsip asas, prinsip accountability, prinsip satu sistem pentadbiran bercorak demokrasi telah tidak disokong dengan kuat oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional.

Saya ingin mengambil satu contoh, di mana sebarang teguran yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara tidak dipedulikan, tidak dihiraukan langsung. Telah banyak kali Jabatan Ketua Audit Negara membuat teguran tetapi ianya tidak diendahkan dan Jabatan-jabatan Kerajaan menganggapkan Jabatan Ketua Audit Negara sebagai satu "jabatan yang buat kacau, yang selalu menyusahkan mereka", tanpa mengambil kira peranan penting yang dimainkan oleh Jabatan Ketua Audit Negara. Ini sedikit sebanyak telah menyebabkan semua teguran mereka tidak dipedulikan dan dengan itu kedaifan, kecurangan dan kelemahan yang wujud dalam satu sistem pentadbiran diteruskan. Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada akaun Jabatan Penerbangan Awam Malaysia iaitu satu Jabatan Kerajaan yang menghadapi banyak kerugian seperti yang telah dinyatakan sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan semasa beliau menjawab soalan dalam masa Soal-Jawab. Beliau berkata bahawa kerugian ini memang telah diduga kerana pihak Kerajaan ingin memberikan perkhidmatan yang baik dalam urusan lapangan terbang di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pihak DAP memang bersetuju kalau tujuan Kerajaan adalah untuk memberi perkhidmatan yang baik dalam urusan lapangan terbang

tetapi mengapakah perkhidmatan yang baik mesti diikuti, diekori, dengan kerugian yang amat besar.

Sebagai satu contoh lagi, mengikut Kertas Statut 79 Tahun 1990, dan ini adalah akaun yang dibentangkan sendiri oleh pihak Kerajaan, keuntungan (Untung-Rugi)—Prestasi Kewangan Jabatan Penerbangan Awam—pada tahun 1985 adalah sebanyak \$39 juta iaitu kerugian. Kerugian terkumpul ialah \$149 juta. Kerugian untuk tahun 1986 meningkat kepada \$45.77 juta dan kerugian bagi tahun 1987 juga meningkat kepada \$55.28 juta, dan bagi tahun 1988 dengan tahap yang agak sama iaitu kerugian \$53.1 juta dan pada tahun 1989 kerugian \$43.33 juta.

Tuan Yang di-Pertua, teguran telah dibuat oleh pihak Ketua Audit Negara lebih awal lagi mengenai kedudukan yang amat membimbangkan dan merisaukan dalam Jabatan Penerbangan Awam dan saya hendak petik ulasan-ulasan yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara pada tahun 1987. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 1987:

"JPA (Jabatan Penerbangan Awam) telah secara berterusan mengalami kerugian yang besar sejak awal sebelum tahun 1984. Bagi tahun 1987 sahaja, JPA mengalami kerugian sebanyak \$55.28 juta, jauh lebih tinggi daripada kerugian sebanyak \$45.77 juta dalam tahun 1986. Pada keseluruhannya kerugian terkumpul JPA berjumlah \$283.16 juta bagi tahun berakhir 31hb Disember, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan dengan tepat sekali . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya rasa memang Yang Berhormat boleh bangkitkan contoh, cuma saya rasa butiran yang terperinci tidak ada kena

mengena secara langsung dengan apa yang kita bahaskan hari ini. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat menyentuh apa yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini secara lebih khusus dan bukan terpesong pula.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, yang sekarang kita bincangkan ialah mengenai jawatan kedudukan Ketua Audit Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itulah sebabnya saya kata contoh boleh, itu dibenarkan, tetapi bukan secara terperinci, ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ya, tetapi supaya kita dapat fahami dengan lebih terperinci mengenai peranan yang dimainkan oleh Ketua Audit Negara. Saya rasa ini perlu kerana . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat . . . . Yang Berhormat diingatkan . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua boleh berikan saya sedikit masa, saya akan tunjukkan mengapa . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tak payah. Yang Berhormat patut faham bahawa nanti Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan jawab, bukan Timbalan Menteri Pengangkutan yang akan jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, saya sekarang tidak merujuk kepada Timbalan Menteri Pengangkutan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itulah sebabnya contoh sekadar contoh boleh, jangan . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Mungkin Tuan Yang di-Pertua salah faham. Saya sekarang tidak merujuk kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

Pengangkutan, saya hanya mengambil contoh jawapannya, tetapi yang sekarang saya sebutkan ialah mengenai Ketua Audit Negara. Sekarang tidak ada kaitan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya tidak tegah Yang Berhormat berucap, tetapi Yang Berhormat teruskan dengan butiran yang relevant.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, memang relevant. Seperti yang dinyatakan dengan tepat sekali oleh Ketua Audit Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Ishak bin Tadin pada tahun 1987, kerugian terkumpul JPA sebanyak \$283.16 juta telah melebihi modal \$145.13 juta yang dilaburkan oleh Kerajaan Persekutuan. Ini bererti modal asas JPA telah lesap seluruhnya dan ia sebenarnya muflis atau insolvent, dengan izin, iaitu \$145.13 juta wang negara telah lenyap sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ini telah berlaku dalam tahun 1987 dan Ketua Audit Negara juga menambah dalam laporan beliau bahawa sekiranya dasar kewangan tidak dikaji semula dan pengurusan kewangan tidak diperbaiki, JPA akan menghadapi kesulitan dalam menyelesaikan tanggungannya. Pada masa itu, JPA mempunyai hutang beratus-ratus juta ringgit dan saya tidak tahu sama ada JPA mampu membayar hutang tersebut.

Pada tahun 1987, jumlah tanggungan pinjaman adalah sebanyak \$781.91 juta dan saya tidak ada butir angka-angka lanjut atau butir-butir mengenai kedudukan semasa, tetapi dalam . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat . . . . Yang Berhormat nanti sekejap, ya. Yang Berhormat diminta meneliti Peraturan Mesyuarat 53(3) di mana menyebutkan bahawa perbahasan patutlah meliputi asas dan baik buruk-

nya sesuatu Rang Undang-undang pada amnya, dan bukannya seperti mana saya sebutkan tadi, Yang Berhormat boleh bangkitkan contoh sekadar contoh sahaja dan bukan secara terperinci.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang sedang membincangkan dasar Rang Undang-undang ini, iaitu mengenai . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini memang dasar, tetapi itu adalah keputusan. Saya berharap Yang Berhormat jangan cuba berhujah, tetapi patuhi apa yang telah dimuktamadkan. Sila.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, tetapi mesti dibuat secara adillah! Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya tidak mahu sangkaan seperti ini. Adil atau tidak adil itu terpulang kepada Yang Berhormat ya, dan jangan buat sangkaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, 1987 keadaan ini telah ditimbulkan oleh pihak Ketua Audit Negara, tetapi keadaan berterusan: tahun 1990 kerugiannya \$76 juta, tahun 1991 \$69.4 juta dan kerugian terkumpul pada tahun 1990 . . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Batu Berendam.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Point of order . . . . point of order.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berapa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Duduk dahululah. Yang ke berapa?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Hanya Pengerusi yang boleh tanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kena tunjuk berapa!

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Siapa Pengerusi ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya kata duduk.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju 53(3), seperti mana Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi. Nampaknya Yang Berhormat dari Kota Melaka ini kurang faham maksud dan tujuan teguran Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan saya minta kalau boleh Yang Berhormat bertegas sedikit supaya Yang Berhormat dari Kota Melaka ini mengikut perkara yang telah ditentukan dalam ini. Kita bukan hendak berbincang fasal JPA dan sebagainya. Ini kita bincang masalah audit. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kota Melaka keputusan telahpun dibuat dan saya berharap Yang Berhormat jangan tidak mengendahkan apa yang dimuktamadkan. Itu sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, saya sedang memberikan contoh bagaimana . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Balik-balik contoh lagi!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ya, ini contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini saya sudah buat keputusan, dengar atau tak dengar, itu terpulanglah kepada Yang Berhormat. Kalaulah sikap ini sahaja Yang Berhormat ambil, saya rasa saya terpaksa memberhentikan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat ini lebih kalau begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya tidak menegah Yang Berhormat berucap, tetapi ambil nasihat saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan lebihlah! Ya, seperti saya jelaskan tadi kepada Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang telah membincangkan tentang dasar seperti pada Rang Undang-undang sebelum itu mengenai Rang Undang-undang Saraan Hakim. Prinsip kebebasan kehakiman juga ditimbulkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini lebih jauh lagi kalau hendak menyentuh soal kebebasan. Yang Berhormat, saya rasa kalau tidak ada butiran yang lain ataupun isi kandungan yang lain, saya terpaksa memberhentikan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan, perlarasan gaji yang dibuat oleh pihak Kerajaan mestilah disokong dengan tindakan dan tidak seperti apa yang telah berlaku di mana teguran Ketua Audit Negara yang dibuat oleh JPA tidak dihiraukan langsung. Ini jelas menunjukkan bahawa jawatan Ketua Audit Negara tidak disanjung dan menyebabkan lebih banyak kecurangan, penyelewengan dan kerugian yang amat merugikan negara. Tengok, kerana tidak mengendahkan nasihat Ketua Audit

Negara, satu Jabatan telah menghadapi kerugian terkumpul \$484 juta pada tahun 1991, teguran dibuat pada tahun 1987—lebih awal lagi, mengapakah tindakan tidak diambil?

Saya amat kesal, Tuan Yang di-Pertua, kalau perlarasan gaji yang dibuat untuk menaikkan taraf atau kedudukan atau prestasi Ketua Audit Negara tidak bermakna langsung. Kalau kuasa yang diberikan kepada Ketua Audit Negara tidak disokong dan tidak diikuti dengan tindakan dan saya percaya ada lebih banyak kes-kes di mana ini berlaku, di mana teguran yang dibuat tidak diikuti, di mana kerugian berterusan dan bukan sahaja berterusan, bertambah lagi dengan lebih teruk sehingga akhirnya rakyat Malaysia yang akan menanggung beban kerugian seperti ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kerajaan memberikan makna kepada prinsip akauntabiliti, memberikan makna kepada jawatan Ketua Audit Negara, memberikan sokongan kepada kakitangan-kakitangan Jabatan Audit. Mereka bukan hendak datang ke sana untuk menyusahkan sesiapa, tetapi untuk menegakkan prinsip akauntabiliti ini, tetapi apa gunanya kalau pihak Kerajaan sendiri enggan mengambil tindakan?

Jabatan Ketua Audit Negara seringkali menimbulkan banyak penyelewengan, di mana ia juga telah dirujuk kepada Jawatankuasa Kecil Kabinet mengenai penyelewengan dan rasuah yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tetapi setakat ini tidak ada sebarang tindakan yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir kalau keadaan ini berterusan, jawatan Ketua Audit Negara, the person, hanya akan menjadi satu pasu bunga sahaja, will become a flower vase, dengan izin, hanya untuk tunjuk sahaja tetapi tidak berkesan langsung. Urusan JPA adalah satu contoh yang jelas sekali bagaimana

keadaan boleh menjadi begitu buruk. Kenaikan gaji adalah berpatutan tetapi kenaikan gaji ini sendiri tidak bermakna, oleh kerana peranan yang dimainkan oleh Ketua Audit Negara tidak berapa berkesan telah menimbulkan banyak cadangan, banyak syor yang dibuat oleh pihak pertubuhan bahawa seorang Ombudsman didirikan kerana kalau perkara-perkara besar ini tidak boleh diselesaikan, diatasi, janganlah kita boleh berharap bahawa perkara yang lebih kecil di mana mempunyai kesan yang secara langsung ke atas rakyat umum boleh diberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu akhirnya saya meminta bahawa Yang Berhormat Menteri dan Jabatan Perdana Menteri khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membenarkan Ketua Audit Negara menjalankan tugas dengan bebas tanpa campur tangan mana-mana pihak dan juga memberikan kuasa kepadanya untuk mengambil tindakan disiplin atau tindakan yang sewajarnya kepada mana-mana jabatan yang tidak akur kepada arahan atau syor-syor (recommendation) yang dikeluarkan olehnya. Ini amatlah perlu untuk menjimatkan wang berbilion-bilion juta kepada negara. JPA, satu jabatan, telah rugi \$500 juta dan kalau kita tambah jabatan lain, saya takut hendak bilang berapa banyaknya kerugian yang mungkin ditanggung oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya harap pihak Kerajaan sekali lagi menegakkan prinsip accountability dan jawatan Ketua Audit Negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Klang.

*5.03 ptg.*

**Tuan Fong Kui Lun (Klang):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang pindaan ke atas Akta Audit 1957 yang

dibentangkan oleh Menteri memperuntukkan kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk meminda peruntukan Jadual melalui pindaan yang disiarkan dalam Warta. Ini bererti Dewan yang mulia ini tidak perlu lagi membuat pindaan kepada Jadual pada masa akan datang. Memadai dengan peruntukan kuasa itu kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meminda semua Jadual dalam Akta. Rang Undang-undang ini juga menghendaki pindaan ini dikuatkuasakan terbelakang, backdated, dengan izin, iaitu mulai 1hb Oktober, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, yang anehnya Dewan yang mulia ini diminta juga untuk meluluskan pindaan kepada Jadual Pertama tentang kenaikan gaji Ketua Audit Negara sebanyak \$110 sebulan yang mana kuasa ini telah pun dibekalkan kepada Yang di-Pertuan Agong berkuatkuasa 1hb Oktober, 1988 menerusi peruntukan yang saya sebutkan tadi. Oleh itu saya kira walaupun peruntukan-peruntukan ini berkaitan tetapi peruntukan Fasal 3 Rang Undang-undang menjadi tidak perlu apabila seksyen baru 11 diwujudkan dalam Akta induk.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut tugas Ketua Audit Negara yang diwujudkan menerusi peruntukan Perlembagaan Persekutuan, saya mengambil peluang ini untuk membangkitkan beberapa perkara yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, apabila kita memerhati dan mengkaji Laporan Ketua Audit Negara berkaitan dengan akaun Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1988 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, kita mendapati banyak kepincangan dan kelemahan yang berlaku dalam sistem perakaunan dan pengurusan kewangan Kerajaan dalam banyak jabatan kalau kita hendak sebutkan di sini. Tetapi memadai saya menyebutkan antara lain, yang pertama, banyak jabatan lewat

mengirimkan penyata akaun jabatan masing-masing kepada Jabatan Audit Negara. Yang kedua, perenggan 17 hingga 19 menyebut bahawa buku tunai tidak sempurna dicatat. Semakan daftar akaun tidak dibuat setiap hari. Pemeriksaan mengejut wang tunai sekali dalam enam bulan tidak dibuat oleh pegawai kanan yang tidak ada kaitan dengan pengurusan wang tunai. Tidak ada bukti semakan dibuat sebelum/selepas wang dimasukkan ke bank. Yang ketiga, perenggan 23 menyebut kegagalan menjalankan proses penyemakan dan pengesanan telah diulang-kali dilaporkan dalam laporan-laporan audit yang baru. Pemeriksaan audit ke atas rekod yang diselenggara di beberapa pejabat pembayar masih tidak ada kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya laporan ini adalah manifestasi kelemahan pengurusan kewangan jabatan Kerajaan yang masih terus berlaku sekarang. Wang-wang Kerajaan, hasil negara yang datang dari berbagai sumber tidak diurus dan ditadbir dengan cekap dan bertanggungjawab. Kalau hendak dikira jumlah kerugian yang dialami oleh Kerajaan dan rakyat berdasarkan laporan ini adalah banyak. Memadai saya katakan bahawa ini berpunca dari sikap tidak bertanggungjawab, tidak menjalankan tugas dengan dedikasi, kakitangan-kakitangan yang terlibat menjadikan kepincangan ini terus berlaku, apatah lagi jika sistem pengauditan akaun dijalankan di jabatan Kerajaan dibuat secara melepaskan batuk di tangga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa Kerajaan, khasnya Ketua Audit Negara supaya mempertingkatkan pemeriksaan mengejut kesemua jabatan Kerajaan, janganlah menunggu sehingga mereka menghantar penyata akaun, maka barulah hendak diaudit. Mereka yang menjalankan kerja pengauditan mestilah dengan jujur

melaporkan setiap ketidakbetulan yang ditemui. Laporan audit menunjukkan pemeriksaan mengejut ke atas akaun jabatan-jabatan Kerajaan kurang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah sistem pengurusan kewangan dan akaun sektor swasta lebih kemas dan cekap? Ini kerana mereka mempergunakan sepenuhnya tenaga Juruaudit untuk sentiasa memeriksa akaun masing-masing. Mereka cepat bertindak memperbetulkan keadaan jika menemui kelemahan, bukan sahaja akaun yang diaudit bahkan audit pengurusan pun dijalankan juga. Jika sektor swasta boleh maju dengan menjadikan sistem pengauditan sentiasa terjaga, mengapakah Kerajaan tidak boleh melakukannya di sektor awam?

Tuan Yang di-Pertua, Unit Penggempur, Ketua Audit Negara patutlah diwujudkan segera dengan dianggotai oleh kakitangan Audit yang terlatih dan cekap bagi melakukan pemeriksaan mengejut ke atas Jabatan-jabatan. Unit Penggempur ini bukan sahaja boleh menjadi dorongan kepada kakitangan akaun Jabatan Kerajaan untuk memperbaiki prestasi mereka bekerja, tetapi unit ini juga diberikan tugas melaporkan terus keadaan kerja kakitangan akaun yang tidak memuaskan kepada Bahagian Tatatertib untuk tindakan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah menjadikan alasan bahawa cadangan ini tidak praktikal untuk dilaksanakan. Cadangan ini boleh dilaksanakan jika Kerajaan benar-benar jujur untuk mewujudkan sebuah pentadbiran Perkhidmatan Awam yang bersih, cekap dan amanah di Malaysia. Jika kakitangan Audit tidak cukup untuk melakukan tugas ini, maka pengambilan kakitangan baru yang secukupnya patutlah dilakukan dan mereka mestilah bertugas dengan jujur dan bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

*5.13 ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga dari Klang yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang meminda Akta Audit 1957 ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti teguran Tuan Yang di-Pertua kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kebanyakan ucapan-ucapan beliau adalah terkeluar daripada Akta yang dibincangkan pada hari ini. Walaupun demikian, saya ingin mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sesuatu Jabatan. Tindakan selanjutnya adalah diambil oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam atau Public Accounts Committee, dengan izin, di mana Public Accounts Committee akan memanggil Ketua-ketua Setiausaha ataupun Ketua-ketua Jabatan untuk membincangkan teguran-teguran Audit yang berkenaan. Point-point yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Klang pun  
.....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa teguran-teguran yang dibuat di dalam Laporan Ketua Odit Negara adalah dirujuk kepada PAC, tetapi mengapakah kuasa secara langsung tidak diberikan kepada Jabatan Ketua Audit Negara

untuk memastikan bahawa semua teguran-teguran yang dibuat itu diikuti dan dipatuhi supaya penyelewengan atau kelemahan yang berlaku tidak berulang sekali lagi. Seperti contoh yang saya sebutkan tadi iaitu mengenai Jabatan Penerbangan Awam (JPA) di mana kerugian sebanyak \$300 juta pada tahun 1987 telah ditimbulkan oleh pihak Ketua Audit Negara dan teguran telah dibuat supaya masalah ini diatasi. Tetapi ini dengan jelas tidak dihiraukan langsung sehingga mengakibatkan kerugian yang lebih banyak dialami oleh Jabatan Penerbangan Awam—sehingga sekarang kerugian yang terkumpul adalah sebanyak \$500 juta. Setiap tahun kerugian yang dialami oleh Jabatan Penerbangan Awam meningkat dan sehingga sekarang ia di dalam lingkungan \$70 juta. Itulah sebab mengapa satu penguatkuasa harus diadakan untuk Jabatan Ketua Audit Negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, seperti teguran Tuan Yang di-Pertua kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa saya tidak ada faktor-faktor ataupun bahan-bahan yang terperinci untuk menjawab secara spesifik soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu berkenaan dengan Jabatan Penerbangan Awam. Jadi, kalau hendak menjawab balik soalan beliau itu adalah susah, tetapi kalau tidak silap saya, pertamanya, Laporan-laporan Audit ini memakan masa yang bukan current, dengan izin, kerana kadang-kadang laporan tersebut berlaku dua atau tiga tahun yang lalu baharu dikemukakan kepada Public Accounts Committee, betul atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Seperti Laporan Ketua Audit Negara untuk Jabatan Penerbangan Awam dikeluarkan pada tahun 1988, iaitu Laporan Ketua Audit Negara ke atas akaun JPA—itu sudah dua tahun dan teguran yang

dibuat dengan jelasnya tidak diikuti iaitu supaya satu revamp dengan izin, diadakan supaya prestasinya dapat dipertingkatkan. Ini jelas ditunjukkan apabila prestasi kewangan merosot. Sebab itu saya mencadangkan supaya Jabatan Ketua Audit Negara, ini secara dasar dan bukan spesifik—sebagai satu contoh, menunjukkan betapa perlunya suatu Jabatan Dalaman Ketua Audit Negara untuk menguatkuasakan syor-syor atau cadangan-cadangan yang dibuat oleh Jabatan Ketua Audit Negara supaya sebarang kelemahan boleh diatasi dan tidak diulangi sekali lagi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai perjalanan akaun Jabatan-jabatan Kerajaan di mana Ketua Audit Negara dan pegawai-pegawainya adalah menjadi ahli dalam Jawatankuasa tersebut dan jikalau Ketua-ketua Setiausaha dari Kementerian-kementerian berkenaan atau Ketua-ketua Jabatan dipanggil, seperti contoh yang diberi oleh Ahli Yang terhormat dari Kota Melaka, kemungkinan besar bahawa Ketua-ketua Jabatan tersebut bukan sahaja memberi alasan mengapa perkara itu berlaku, bahkan kemungkinan Jawatankuasa Kabinet itu meminta tindakan tertentu diambil kepada Ketua Jabatan itu atau pegawai-pegawai berkenaan, dengan izin, controlling financial officer, yang melakukan perkara tersebut.

Dengan jawapan itu, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya tidak perlu saya menjawab dengan terperinci segala hujah-hujah mereka yang terkeluar daripada Rang Undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan

masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH PENCEN

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.20 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pecen dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Seperti Dewan ini sedia maklum, faedah-faedah persaraan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan

adalah dibayar melalui Belanjawan Tahunan. Pada masa dahulu, peruntukan untuk tujuan ini tidak begitu banyak kerana tidak berapa ramai pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan bersara, tetapi dalam beberapa tahun yang lalu, ramai pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan telah bersara dan bayaran faedah persaraan ini telah bertambah dari tahun ke setahun.

Pada tahun 1985, misalnya, bayaran faedah-faedah persaraan berjumlah \$764.2 juta atau 3.8% daripada Perbelanjaan Mengurus dan bayaran ini telah meningkat kepada \$1,057 juta bagi tahun 1990 atau 4.38% daripada Perbelanjaan Mengurus. Adalah dijangka tanggungan ini akan meningkat lagi kepada \$1,673 juta pada tahun 1995, \$7,038 juta pada tahun 2000 dan seterusnya sebanyak \$2,701 juta pada tahun 2015. Memandangkan tanggungan kewangan yang besar ini, tindakan perlu diambil oleh Kerajaan bagi menentukan peningkatan beban tanggungan kewangan yang tidak sampai ke tahap yang akan menyulitkan Kerajaan. Setelah dikaji dengan teliti, adalah didapati wajar satu akaun amanah yang dinamakan Kumpulan Wang Amanah Pencen iaitu tabung pencen ditubuhkan.

Tabung pencen ini boleh ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Tabung ini akan mengumpul sumbangan dari Kerajaan serta sumber-sumber kewangan lain yang dibenarkan di bawah Seksyen 8 Rang Undang-undang dan wang yang terkumpul itu kemudiannya akan dilaburkan. Dividen atau faedah yang diperolehi dari pelaburan itu akan terus dilaburkan dan, dengan cara itu, aset tabung ini akan menjadi besar dari masa ke semasa dan akan dapat membantu Kerajaan membiayai sebahagian atau sepenuhnya bayaran faedah-faedah persaraan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang ini sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4 Rang Undang-undang ini akan ditadbirkan oleh sebuah badan yang dipanggil Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen yang mana anggota-anggotanya adalah sebagai pemegang amanah. Ahli Majlis ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan serta mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan dari pihak swasta. Majlis ini adalah bertanggungjawab bagi mentadbirkan Kumpulan Wang Amanah Pencen ini sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 3, subseksyen (2), Rang Undang-undang. Dalam menjalankan kewajibannya, Majlis ini adalah bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang ditentukan oleh Rang Undang-undang dan juga bertanggungjawab kepada Menteri Kewangan.

Sementara itu, satu panel yang dipanggil Panel Pelaburan Amanah Pencen akan dilantik mengikut Seksyen 5 Rang Undang-undang. Panel ini akan bertanggungjawab atas perkara-perkara yang berhubung dengan pelaburan aset kumpulan wang. Mereka akan menentukan bahawa Wang Kumpulan Amanah Pencen akan dilaburkan dengan baik dan memberi keuntungan. Selain dari pegawai-pegawai Kerajaan, ahli-ahli Panel Pelaburan ini juga akan mengandungi mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan dari pihak swasta. Dalam menjalankan kewajibannya, Panel Pelaburan boleh melaburkan wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh Ordinan Pemegang Amanah 1949, Akta Pelaburan Pemegang Amanah 1965 dan juga secara yang dibenarkan mengikut seksyen 10, subseksyen (1), Rang Undang-undang.

Pengurusan dan pentadbiran tabung ini akan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Akauntan-Negara, Kementerian Kewangan, menurut seksyen 3, subseksyen (3), Rang Undang-undang.

Buat masa ini, tidak ada sebarang keperluan untuk tambah pegawai dan kakitangan bagi mengendalikan Kumpulan Wang ini dan Jabatan Akauntan Negara akan menggunakan perkhidmatan daripada pegawai dan kakitangan yang ada di Jabatannya sekarang.

Bagi menentukan kelicinan perjalanan urusan Kumpulan Wang Amanah Pencen dalam menjalankan kewajibannya, Menteri Kewangan akan mengeluarkan dari masa ke semasa peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang disebut oleh Rang Undang-undang.

Untuk melancarkan tabung ini, Kerajaan akan memberi sumbangan sebanyak 5% daripada emolumen tahunan iaitu sebanyak \$500 juta kepada tabung ini. Jumlah ini telahpun disediakan dalam Belanjawan Tahunan 1991. Sumbangan ini adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah faedah-faedah persaraan yang perlu dibayar pada tiap-tiap tahun. Oleh itu, sumber-sumber kewangan lain adalah diperlukan. Dua sumber telah dikenalpasti dan boleh dikumpul oleh tabung ini iaitu:

- (1) Caruman hak Kerajaan yang dikembalikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja apabila seseorang pegawai berpencen/bersara yang dianggarkan lebih kurang \$60 juta setahun.
- (2) Caruman majikan badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan atas kadar  $17\frac{1}{2}\%$  daripada gaji pegawai-pegawai badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan yang telah dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen. Anggaran jumlah kutipan tahunan dari sumber ini ialah lebih kurang \$140 juta setahun.

Walau bagaimanapun, sebelum sumber-sumber kewangan ini boleh dikumpulkan, beberapa pindaan tertentu perlu dibuat kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 dan Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 serta juga Akta Pencen 1980, (Akta 227). Ini akan dilakukan apabila tabung ini mula beroperasi kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Bayan Baru.

5.28 *ptg.*

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan Rang Undang-undang yang telah dicadangkan bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Saya rasa cadangan bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen ini sepatutnya telahpun dicadangkan pada masa yang lebih awal dengan tidak perlu menunggu sehingga lewat ini.

Namun demikian, penubuhan Kumpulan Wang Amanah Pencen ini, walaupun ia akan mendatangkan faedah kepada pekerja-pekerja yang akan bersara dan juga akan memberi keuntungan kepada Kerajaan, saya rasa cadangan kepada beberapa fasal yang

disebutkan di dalam Akta ini masih kabur dan tidak jelas.

Saya berpendapat bahawa tujuan untuk menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen ini adalah untuk mewujudkan satu sistem, satu kumpulan ataupun satu tabung yang mempunyai sistem seolah-olah seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ia bukan hanya untuk bertujuan bagi menyediakan kewangan Kerajaan bagi membuat bayaran pencen yang kian meningkat, sepertimana yang dilaporkan tadi, tetapi ia juga untuk memelihara kepentingan pekerja-pekerja yang masuk di dalam skim pencen.

Daripada Fasal-fasal yang telah dicadangkan ini, iaitu berhubung dengan Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen. Majlis yang telah dicadangkan ini seolah-olah tidak menggambarkan bahawa Kumpulan Wang Amanah Pencen ini memberi satu sistem, sepertimana yang saya sebutkan tadi, seperti KWSP. Ia lebih merupakan satu Jawatankuasa atau satu Majlis bagi mentadbirkan satu tabung kepunyaan Kerajaan untuk membenarkan Majlis ini membelanjakan wang itu dengan secara yang telah ditetapkan di dalam Akta ini.

Kita lihat dengan penubuhan Panel Pelaburan, Fasal 5 dan juga berhubung dengan Fasal 10, Pelaburan Kumpulan Wang ini. Daripada kedua-dua Fasal ini, saya lihat seolah-olah tabung ini diwujudkan untuk menjalankan perniagaan bagi pihak Kerajaan. Wang yang diperuntukkan ini akan dikumpul dan akan dibelanja secara membuat perniagaan melalui berbagai pelaburan dan pinjaman-pinjaman, sepertimana yang dinyatakan ini.

Saya khawatir apakah Kumpulan Wang Amanah Pencen ini bertujuan untuk mengumpulkan wang membayar pencen ataupun ia bertujuan untuk menjadi satu institusi kewangan kerana kita

lihat di dalam Fasal 10, Pelaburan wang Kumpulan Wang:

“10. (1) Panel boleh melaburkan wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang—

- (a) sebagai deposit di mana-mana bank, di dalam atau di luar Malaysia, dalam apa-apa matawang termasuk ringgit;
- (b) dalam suratcara pasaran wang, termasuklah bil perbendaharaan, penerimaan jurubank dan perakuan deposit dalam apa-apa matawang termasuk ringgit;
- (c) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang, kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia;
- (d) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang, kepada mana-mana pihak berkuasa atau perbadanan awam yang Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalamnya;
- (e) dalam logam-logam berharga termasuk emas, perak, platinum dan paladium; dan
- (f) dalam mana-mana cara lain yang dibenarkan oleh Menteri.”

Kalau kita lihat daripada cadangan penubuhan Kumpulan Wang ini, mengikut Fasal 10, saya rasa penubuhan Kumpulan Wang ini bukan mempunyai tujuan utama untuk membiayai pembayaran pencen, tetapi lebih merupakan satu tabung bagi menjalankan kegiatan-kegiatan yang saya bacakan tadi Sama ada kita untung atau rugi hasil daripada pelaburan pinjaman yang dibuatkan tadi itu, belum dipastikan. Sama ada wang itu akan dapat dikumpulkan balik dan hasilnya dibayar kepada pesara-pesara, belum begitu jelas, belum begitu

menjaminan. Jadi, saya rasa perkara ini perlulah dilihat dan dikaji semula. Jika tidak, tujuan atau objektif menubuhkan tabung ini bagi membiayai pesara-pesara tidak akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita lihat kepada soal sumber kewangan yang telah disebutkan tadi. Sepertimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi, ia menyentuh tentang sumber kewangan yang boleh dipungut daripada simpanan pekerja-pekerja dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang akan bersara kemudian. Kemudian, daripada badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan dan sumber-sumber lain yang dipersetujui oleh Kerajaan. Saya rasa, jika sekiranya kita hendak menubuhkan satu tabung yang sebegini, maka kita perlulah mengikut sistem yang dikumpulkan daripada majikan dan pekerja dan wang itu lebih terjamin. Dan caruman yang dibuat oleh Kerajaan, mengikut apa yang dicadangkan di sini, dibuat dari masa ke semasa dan buat permulaannya dicadangkan tadi satu peruntukan ataupun sumbangan sebanyak \$500 juta akan dibuat oleh Kerajaan mengikut peruntukan Belanjawan pada tahun ini.

Saya rasa kita boleh mengumpulkan sumber-sumber kewangan bagi tabung ini secara lebih tersusun kalau kita mewujudkan satu sistem kutipan yang lebih teratur, sepertimana yang dikumpulkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, iaitu majikan-majikan termasuk Kerajaan sebagai majikan yang terbesar perlu membuat sumbangan kepada tabung ini tiap-tiap bulan, mengikut seseorang pekerja. Peruntukan ataupun sumbangan yang diberi dari masa ke semasa adalah satu susunan yang tidak tetap dan tidak menentu. Kita bimbang apabila tiba masanya kewangan negara kurang ataupun Kerajaan sedang menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi, kemungkinan besar kita tidak mendapat wang yang kita perlukan untuk

dimasukkan kepada tabung Kumpulan Wang Amanah Pencen ini dan ia akan menjadi masalah bagi membiayai ataupun membuat pembayaran pencen kemudian.

Adalah lebih munasabah jika sekiranya sama ada majikan itu daripada badan-badan berkanun atau kuasa-kuasa tempatan, mahupun Kerajaan Persekutuan, maka Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mahulah membuat sumbangan pada tiap-tiap bulan, sepertimana caruman yang dibuat oleh majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Dengan wang terkumpul itu, sama ada Majlis dan Panel Pelaburan yang dicadangkan tadi melabur, berniaga, membuat pinjaman atau tidak, perkara ini tidak berbangkit sebab wang yang terkumpul itu sudah mencukupi daripada faedah-faedah ataupun hasil daripada simpanan deposit, yang dicadangkan itu, dapat membuat pembayaran kepada skim pencen.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal pinjaman pelaburan yang saya sebutkan awal tadi, saya merasai khawatir tentang kuasa yang begitu luas yang diberikan kepada Menteri Kewangan. Mengikut Fasal 12:

“12. (1) Menteri boleh memberi kepada Majlis apa-apa arahan bersifat am yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini yang ada hubungan dengan perjalanan dan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan Majlis hendaklah melaksanakan segala arahan itu.”

Kalau kita sudah ada Majlis yang kita memberi sedikit-sebanyak kuasa, mengikut Akta yang dicadangkan ini, kemudian kita ada pula Bahagian untuk mereka membuat pinjaman dan pelaburan, kemudian kita ada pula di atas daripada itu kuasa Menteri yang begitu luas.

Adakah tidak sebagai manusia biasa, sama ada ianya Menteri ataupun tidak, boleh atau tidak ia melakukan kesilapan atau kesalahan dengan wang ini? Kalau wang ini mengikut budibicara seorang Menteri untuk memberi pinjaman kepada mana-mana syarikat tertentu yang ada hubungkait dengan Menteri atau memberi pinjaman kepada anak-anak syarikat perbadanan negeri dan sebagainya yang mana kita tahu tidak akan menguntungkan, tetapi Menteri hendak memberi. Apakah jaminan bahawa wang ini akan selamat? Saya rasa kita perlu lihat semula tentang kuasa Menteri yang begitu luas tentang memberi arahan, bermakna apa jua keputusan Majlis, sama ada Majlis bersetuju atau tidak bersetuju tentang arahan Menteri, perkara itu tidak boleh dipersoalkan. Menteri dengan budibicaranya sendiri dan dengan cara sesuka hatinya boleh menggunakan Kumpulan Wang ini dengan sewenang-wenangnya jika ia mahu dan inilah saya rasa satu keadaan yang tidak memberi jaminan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang tidak dinyatakan di sini tentang apakah faedah pekerja-pekerja berhubung dengan hasil daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen ini. Selain daripada bayaran pencen, apakah faedah yang pekerja seorang yang berpencen mendapat daripada Kumpulan Wang ini? Sepertimana yang ada sekarang, kita tahu tanpa tabung pun memang dapat pencen. Tetapi bila adanya tabung, adanya jaminan bahawa segala aktiviti itu akan mendatangkan hasil, sudah tentu aktiviti itu akan memberi manfaat kepada kaum pekerja yang terlibat. Tidak ada nyatakan bahawa pekerja akan mendapat untung daripada hasil sama ada pelaburan yang dicadangkan ataupun pinjaman, simpanan bank, sama ada ia akan diberi kepada kaum pekerja

tidak disebut. Walaupun pekerja mendapat pencen semasa ianya bersara, tetapi sebenarnya bila ia memasuki skim pencen, ia dianggap sebagai sudah masuk skim pencen bermakna wang yang disimpan di situ adalah bertujuan untuk bayaran pencen. Dia telah simpan walaupun dia tidak dapat wang itu pada masa itu. Dia dapat semasa dia berpencen, tetapi wang itu sudah disimpan bermakna wang itu adalah wang simpanan pekerja.

Tetapi di sini semata-mata hendak melabur, hendak buat pinjaman, hendak buat itu dan hendak buat ini semata-mata untuk hendak meringankan beban Kerajaan kerana bayaran pencen kian meningkat—kerana itu sahaja. Tabung Pencen dibuat kerana bayaran sepertimana yang dinyatakan tadi mungkin meningkat sampai hampir \$2 billion tadi disebut setahun, itu sahaja tujuannya dan tidak ada lain untuk memberi apa-apa faedah yang lebih kepada pekerja-pekerja daripada apa yang ada sekarang. Mungkin Kerajaan mempunyai skim-skim yang lain seperti yang ada sekarang, saya faham, tentang pinjaman kenderaan, tentang pinjaman perumahan, kita faham. Tetapi kalau hendak ada Tabung ini, biarlah Tabung ini benar-benar memberi faedah kepada pekerja-pekerja yang terlibat. Wang itu dikumpul—faedah, keuntungan dan hasil daripada semua apa yang dijalankan pergi kepada Kerajaan dan tidak membawa apa-apa faedah kepada kaum pekerja.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dapat pertimbangan semula supaya Tabung Amanah Pencen ini benar-benar memberi faedah kepada mereka yang bersara. Saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, hendak saya sebutkan di sini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong. Jangan ulang apa yang dikatakan oleh Bayan Baru.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya baru masuk sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan salah siapa-siapa. *(Ketawa)*

5.45 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan berikhtiar untuk menghadkan kepada perkara-perkara yang tidak pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru walaupun sebahagian besar saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang ini kerana ia merupakan satu Rang Undang-undang yang penting dan mencatatkan satu sejarah di dalam Dewan yang mulia kerana maksudnya hendaklah meringankan beban Kerajaan untuk membayar pencen dan juga mungkin pada satu hari kelak untuk menghapuskan sistem pencen yang ada sekarang—mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, idea menubuhkan sebuah Kumpulan Wang Pencen dikemukakan oleh CUEPACS dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara selepas Belanjawan tahun 1987 mencadangkan pemansuhan pemberian pencen bagi kakitangan Kerajaan yang baru dilantik. Malah CUEPACS telah menggesa Kerajaan supaya menubuhkan Kumpulan Wang sedemikian awal bulan Mei, 1987 dalam Belanjawan tahun 1988. Yang Berhormat dari Bayan Baru tidak ada di CUEPACS lagi pada masa itu, tidak ada. Jadi, dia tidak bangkitkan fasal itu.

Seterusnya kajian yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dilaporkan siap disediakan serta telah dikemukakan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, waktu itu Dato' Dr Yusof Nor, menjelang 5hb November, 1988. Walau bagaimanapun, laporan mengenai kajian yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam itu tidak pernah diumumkan

kepada orang ramai. Sebab itulah saya pun tidak tahu apakah yang terkandung di dalam laporan mengenai kajian JPA itu yang merupakan satu kajian yang terpenting yang merangsangkan pihak Kabinet untuk membuat keputusan mengadakan Kumpulan Wang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang turut menjadi sebahagian daripada strategi ketiga pembaharuan ke arah kecemerlangan Perkhidmatan Awam sempena ulang tahun ke 55 JPA pada 22hb Ogos, 1989. Kemudiannya pada 29hb Disember, 1989 Kerajaan melaporkan bahawa penelitian kajian penubuhan Kumpulan Wang berada di peringkat akhir dan hasilnya akan diumumkan dalam tempoh masa 6 bulan. Tetapi setakat ini tidak nampak lagi, 6 bulan kalau kira, Disember. Jadi, pada bulan Jun 1990 walaupun dijanji hendak diumumkan, tetapi tidak pernah diumumkan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab soalan seperti yang tidak pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru setakat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila. Jangan bercakap . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Nampaknya . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bercakap dengan orang di sana.

**Dr Tan Seng Giaw:** . . . . dengan kerlingan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli dari Gerik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi dia bukan . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Dia senyum begitu sahaja, saya pun hairan mengapa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak beri floor kepada dia, saya beri floor kepada Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, dia ada desas-desus tadi. Saya pun tidak tahu cakap apa, saya hendak dengar juga.

Tuan Yang di-Pertua, maka keseluruhannya kira-kira 5 tahun telah berlalu sebelum Rang Undang-undang ini sempat dikemukakan di Dewan Rakyat. Memang saya setuju kerana langkah ini yang penting yang terlibat perkara-perkara dengan implikasi dan konsekuensi yang besar dan kita tidak bolehlah bergopoh-gapah untuk mengadakan Rang Undang-undang dengan begitu sahaja.

Walau bagaimanapun bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan, faktor-faktor yang telah menghalang pelancaran lebih awal Kumpulan Wang ini terutama sekali ia merupakan projek yang berupaya mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan juga dicadangkan oleh pihak kesatuan sekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kerajaan tiap-tiap tahun sekarang membayar lebih \$1 bilion untuk bayaran pencen dan kalau kita boleh ada Kumpulan Wang seperti ini untuk mengurangkan bayaran itu dan kalau boleh dijalankan dengan lancar, maka langkah ini adalah baik ke arah yang betul untuk mengurangkan beban rakyat. Bagaimanapun kami ingin tahu sebab-sebab mengapa cadangan kaedah pelaksanaan Kumpulan Wang secara yang pertama penswastan iaitu cadangan JPA sendiri pada 22.8.1989 dan yang kedua berbentuk koperasi—pengumuman Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Dato' Dr Mohamad Yusof Nor waktu itu pada 29.12.1989 ditolak oleh Kerajaan. Itu dua cadangan lagi yang dibuat oleh pihak yang tertentu. Yang pertama, JPA untuk menswastakan Kumpulan Wang seperti ini, tetapi tidak diterima oleh pihak Kerajaan. Yang kedua berbentuk koperasi yang juga tidak diterima. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa kedua-dua cadangan ini

tidak dapat diterima. Ini ada hubung-kait dengan apa kecurigaan, kekhuatiran yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi kerana beliau bersama-sama dengan rakan di sini—walaupun Yang Berhormat dari Gerik tidak setuju, itu lain kira tetapi kalangan kami di sini, bimbang dan khuatir akan berlakunya penyelewengan ke atas Kumpulan Wang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, difahamkan bahawa sistem pencen yang serupa juga dilaksanakan dengan berjayanya di Korea Selatan di mana pesara terus-menerus menerima wang pencen mereka walaupun negara menghadapi masalah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan, mungkin satu Dasar Pandang ke Timur, kerana dia hendak pelajari apa yang dilakukan, apa yang diamalkan oleh pihak Kerajaan Korea Selatan. Tetapi tidak mempelajari daripada pihak Jepun ataupun negara-negara yang lain. Cuma kita pilih Korea Selatan. Memang ada satu rahsia yang tersembunyi mengapa kita pilih Korea Selatan sahaja untuk mengamalkan sistem seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kerajaan menghantar, kalau tidak silap saya, 118 orang kakitangan Kerajaan ke negara Korea Selatan dalam tempoh masa 1984 hingga 1987 untuk mengkaji sistem pentadbiran awam Korea Selatan di bawah Dasar Pandang ke Timur. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah pendapat ataupun laporan yang dibawa balik oleh 118 pegawai/kakitangan Kerajaan yang melawat dan mengkaji sistem ini di Korea Selatan sebagai satu daripada Dasar Pandang ke Timur, dan kami ingin tanya mengapakah model Korea Selatan terpilih bagi kajian pentadbiran awam khususnya sistem pencen. Adakah sistem negara-negara lain juga turut dikaji oleh pihak Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana sistem pentadbiran di Korea Selatan memang berbeza dengan sistem pentadbiran yang ada di negara ini yang pada mulanya berdasar dan mirip kepada sistem pentadbiran British. Walhal di Korea Selatan, saya pun tidak tahu, mungkin pada awalnya mirip kepada pentadbiran Jepun, kerana negara itu pernah diduduki oleh pihak Jepun pada tahun-tahun 20an, 30an sampai 40an pun pendudukan Jepun di Korea Selatan. Mengapa kita pilih sistem itu yang tidak serupa dengan sistem pentadbiran di negara ini? Gerik dia senyum sahaja tetapi susah . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan sebut-sebut begitu. Jikalau saya jadi Yang Berhormat, saya akan tanya, akan saya bincangkan sama ada Akta ini bagus atau tidak. Tidak payahlah hendak kata Korea Selatan itu bagus, mengapa dipilih Korea Selatan. Yang kita bincangkan sekarang ini bagus atau tidak untuk negara kita.

**Dr Tan Seng Giaw:** Baik, Tuan Yang di-Pertua. Dengan cadangan Tuan Yang di-Pertua, saya akan menumpukan sama ada ia baik ataupun tidak. (*Ketawa*) Walhal apa yang saya sebutkan tadi ada kena-mengena dengan perkara yang sedang dibincangkan sekarang. Memang ada kena-mengena. Kerana sistem yang ada di Korea Selatan, sistem Kumpulan Wang seperti ini adakah ianya sesuai . . . .

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Gerik bangun. Kacau dia sangat! (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Sila.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kepong ini dia sengaja cari pasal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong ya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Saya tersenyum, kerana saya tahu apa yang dicakapkan itu tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Kerana kita tidak mengikut sistem daripada Korea Selatan. Kita ada "our own system", kenapa perlu kita ikut Korea Selatan. Dan saya ucap terima kasihlah kerana tadi saya dengar semasa Tuan Yang di-Pertua tanya dia kata sistem ini baik. Jadi saya ucapkan terima kasihlah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gerik ini memang tabii dan tabiat dia macam itu dah. Kerana dia tidak tahu apa yang kita bincangkan sekarang . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau kita tidak mahu ikut sistem itu mengapa kita hantar 118 pegawai ke negara itu. Apakah maksudnya. Kalau kita tidak mahulah sistem itu, kita ada sistem sendiri, tersempurna di dunia, mengapa kita hendak hantar orang ke Korea Selatan pula?

Memang ada yang baik daripada Korea Selatan yang kita boleh pelajari. Itulah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Itu memang ada kait-mengait dengan apa yang kita bincangkan di sini.

Kami juga ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, sama ada pihak CUEPACS pernah dipanggil untuk berunding bersama dengan Kerajaan mengenai penubuhkan Kumpulan Wang Amanah ini. Itu penting juga. Kerana CUEPACS memainkan peranan yang penting kalau mereka tidak dipelawa untuk memperbincangkan bersama untuk mewujudkan Kumpulan Wang Amanah ini maka ini merupakan satu kesilapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan. Untuk makluman Yang Berhormat, Bayan Baru kata bagus dah. Sepatutnya dibuat lebih awal lagi yang ini. Hanya dia ada sedikit reservation sahaja.

**Dr Tan Seng Giaw:** Bukan sedikit reservation yang kita takut. Saya pun ada sebutkan pada awal lagi, kalau usaha seperti Kumpulan Wang ini boleh mengurangkan beban rakyat, itu merupakan satu langkah ke arah yang betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau pihak Kerajaan tidak mempelawa CUEPACS, mengapa. Bukankah sebaik-baiknya Kerajaan harus memperolehi pandangan CUEPACS kerana idea itu terlebih dahulu dikemukakan oleh pihak CUEPACS, bukan dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun daripada Gerik. Gerik tidak ada cadangan langsung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya terpaksa menghadkan ucapan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat berucap macam itu, saya menghadkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tidak payah sebut, kerana ini ada relevant, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tidak relevant itu jangan disebutkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih mustahak lagi iaitu pihak CUEPACS adalah penerima akhir, dengan izin, ultimate beneficiary, faedah daripada pelaksanaan Kumpulan Wang Amanah ini dan perlulah mereka dipelawa untuk perbincangan yang lengkap untuk menyempurnakan Kumpulan Wang Amanah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kami berpendapat pihak CUEPACS, Persatuan Pesara Kerajaan (Malaysian Joint Pensioners Association), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, serta lain-lain kesatuan kakitangan kerajaan yang mewakili badan-badan berkanun harus mempunyai perwakilan di dalam Majlis dan Panel Pelaburan. Adakah pihak CUEPACS mempunyai wakil di dalam Majlis atau Panel berkenaan. Kalau tidak ada mengapa? Kerana, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang penting. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua tidak akan menghadkan masa saya untuk memperbincangkan perkara yang peri mustahaknya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kesemua mustahak. Kepada Yang Berhormat, kesemua mustahak.

**Dr Tan Seng Giaw:** Terutamanya wakil-wakil daripada Persatuan Pesara Kerajaan (Malaysian Joint Pensioners Association), mereka mesti diberi tempat di dalam Panel ataupun Majlis ini kerana ini ada kena-mengena dengan kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mereka seperti CUEPACS dan Persatuan Pesara Kerajaan bertanggungjawab menjaga kepentingan pekerja dalam pengurusan Majlis serta dasar pelaburan Kumpulan Wang. Oleh itu, mereka berhak mengetahui dan menjadi sebahagian daripada proses membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan perkara ini oleh sebab kalau Tuan Yang di-Pertua ingat pada beberapa tahun dahulu, kerana ada kesilapan, kerana ada peristiwa yang tidak diinginkan telah berlaku, maka satu peristiwa yang mana MAKUWASA telah membuang, memboroskan wang berbilion-bilion ringgit daripada wang KWSP (EPF).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jikalau tak tahu, janganlah tanya orang lain semacam itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, MAKUWASA ini ada kena-mengena dengan penggunaan wang KWSP untuk pelaburan dan kerana ada kesilapan yang tertentu, pihak KWSP telah kehilangan berpuluh-puluh juta ringgit—kerana ada kesilapan. Maka dengan ini kita perlu menekankan di sini betapa pentingnya anggota-anggota yang berpengalaman untuk Majlis dan Panel tersebut kerana kami tidak mahu berulang lagi peristiwa-peristiwa yang pahit seperti MAKUWASA yang kena-mengena dengan tabung KWSP yang setakat ini ada lebih kurang \$54 bilion wang KWSP. Di masa hadapan Kumpulan Wang Pencen ini boleh meningkat kepada \$50 bilion dan saya berharap peristiwa pahit seperti itu tidak akan berlaku.

Dalam satu pengumuman lain, Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Alwi Jantan—di sini ada satu nota bagi saya untuk memberitahu apa yang telah dibangkitkan supaya saya jangan berulang . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu, saya nampak dari sini. Tak usah beritahu, Yang Berhormatpun ada orang yang memberi jawapan, bukannya Menteri-menteri sahaja. Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Dia tak mahu saya mengulang apa yang dicakapkan tadi. Tan Sri Alwi Jantan pernah memberi satu hint, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di bawah Skim Kumpulan Wang Amanah pesara boleh mengecapi lebih banyak faedah daripada yang dinikmati sekarang di bawah Skim Pencen yang tersedia ada. Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah faedah yang lebih daripada Skim Pencen yang tersedia ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bayan Baru sudah tanya tadi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, tetapi saya tidak ada di sini tadi. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini hanya merujuk kepada lain-lain faedah yang diberi di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Ini dia tak pernah sentuh. Bolehkah Kerajaan menjelaskan bentuk-bentuk faedah lebih yang boleh dikecapi oleh pesara di bawah Kumpulan Wang Amanah tetapi tidak pula di bawah Skim Pencen tersedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga berminat untuk mengetahui jangkaan Kerajaan mengenai sebanyak manakah tanggungan kewangan yang boleh dikurangkan dengan adanya Kumpulan Wang Amanah sebegini berbanding dengan beban sekarang. Apakah andaian-andaian yang dibuat sebagai asas kepada jangkaan Kerajaan ini?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini penting kerana janji pihak Kerajaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dengan adanya Kumpulan Wang Amanah ini akan kurang perbelanjaan Kerajaan. Kalau begitu, bolehkah diterangkan amaun yang akan dikurangkan selepas Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan dan dalam masa berapa tahunkah ia dijangka memberi sumbangan yang besar kepada negara kita ini?

Tuan Yang di-Pertua, kami ingin bertanya mengenai kedudukan semasa cadangan untuk mengenakan peraturan melarang pesara daripada mempunyai ekuiti atau dilantik ke dalam syarikat-syarikat yang pernah berurusan dengan Jabatan mereka. Ini pernah dibangkitkan mengenai pesara-pesara yang ada terlibat dengan syarikat-syarikat sebelum mereka bersara dan selepas itu Jabatan Perkhidmatan Awam telah membuat keputusan mengenai cadangan melarang kakitangan Perkhidmatan Awam yang bersara daripada menerima perlantikan atau memiliki ekuiti dalam

syarikat-syarikat yang pernah berurusan dengan jabatan mereka selepas kajian mengenai perkara itu siap nanti.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang telah diputuskan oleh pihak JPA mengenai perkara ini? Dengan itu, saya berharap pihak Menteri yang mempunyai kuasa yang begitu besar, yang telahpun disentuh oleh Yang Berhormat Bayan Baru, tetapi kerana ia merupakan perkara yang begitu penting, kita mesti bangkitkan sekali lagi supaya kuasa yang terlalu besar ini tidak disalahgunakan untuk maksud Majlis dan Panel ini dan tidak akan berlakunya penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa kelak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

6.09 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan dari Kepong, yang kepada saya agak terkeliru sebahagian besar daripada pendirian mereka: kadangkala mengalulukan dan kadangkala keterlaluan, terlanjur dengan tanggapan-tanggapan yang agak tak tepat termasuk dengan perasaan curiga tidak tentu arah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan supaya kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini tak berterusan mempunyai syakwasangka yang tak tepat dan mereka faham tentang perbezaan antara harapan dan juga tujuan Kerajaan untuk memastikan bahawa kakitangan Kerajaan dalam keadaan yang terbela seperti yang dituntut oleh peruntukan Perlembagaan yang selaras dengan amalan yang dibuat oleh Kerajaan sehingga kini dan juga yang dapat dianggap baik jika dibandingkan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tanggapan bahawa peruntukan pencen ini mungkin satu hari dihapuskan agak keterlaluan. Tanggapan bahawa peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pencen ini disamakan dengan KWSP juga merupakan kekeliruan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menegaskan di sini bahawa Kumpulan Wang Amanah Pencen ini berbeza dengan KWSP seperti yang difahami oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru. Kalau Yang Berhormat dari Bayan Baru membaca peruntukan Fasal 9, agak jelas bahawa Kumpulan Wang Amanah Pencen ini adalah semata-mata untuk memperuntukkan Kumpulan Wang untuk membayar pencen dan apa-apa ganjaran dan faedah-faedah yang diberikan mengikut peruntukan undang-undang yang bertulis hingga kini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita faham tentang soal kemudahan pencen ini, ianya berbeza dengan peruntukan yang ada dalam KWSP di mana pihak pekerja dituntut supaya mencarum sama. Dalam hal pencen, pekerja tidak ada langsung keperluan untuk menyumbang sama, kesemuanya ditanggung oleh pihak Kerajaan. Dan mengenai . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Memang kita faham, bukan saya tidak faham tentang caruman yang dibuat oleh pekerja dan majikan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Apa yang saya nyatakan tadi Kumpulan Wang Amanah Pencen ini juga boleh dibuat secara yang sama. Saya percaya selama ini pun Badan-badan Berkanun dan Pihak-pihak Berkuasa ada membuat caruman, cuma perkara ini tidak diberitahu dan tidak pernah dilaporkan.

Pihak Kerajaan Persekutuan pula membuat sumbangan daripada Kumpulan Wang Disatukan yang sekarang ini hendak dibuat kepada tabung ini. Tetapi sebelum ini memang pihak Badan-badan Berkanun dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan sudah membuat sumbangan. Dan kita tidak tahu berapa peratuskah kadar yang dibayar bagi setiap pekerja yang bekerja di dalam Badan-badan Berkanun dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berapa peratuskah majikan di dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan mencarum kepada Kumpulan Wang Disatukan untuk dibayar sebagai pencen?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk menepati janjinya kepada kakitangan Kerajaan di mana di antaranya ialah untuk kemudahan pencen dan kakitangan yang wujud di sektor awam dan seterusnya di Badan-badan Berkanun, kesemuanya adalah tanggungjawab Kerajaan. Kerajaan melihat perkara ini bukan sekadar untuk 1-2 tahun yang akan datang ini bahkan Kerajaan melihatnya dalam jangka masa 50 tahun akan datang sama ada Kerajaan pada masa sekarang dan seterusnya 50 tahun akan datang mampu untuk menyempurnakan tanggungjawab tersebut. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia bangun pula.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berhubung dengan kadar caruman yang dibuat oleh

Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai pencen. Itu tidak dijelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Kalau hendak cepat sangat, saya boleh beritahu—17<sup>1</sup>/<sub>2</sub>%. Mudah sangat, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekadar hendak terangkan dahulu—17<sup>1</sup>/<sub>2</sub>% untuk Badan-badan Berkanun dan kakitangan Kerajaan. Jadi, Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa 50 tahun akan datang ada peruntukan untuk membayar pencen. Saya hendak sebutkan di sini pada tahun 1990, beban pencen yang perlu ditanggung oleh Kerajaan ialah \$1,057 juta. Tahun 2000—\$2,701 juta. Masuk tahun 2037, beban pencen ialah \$9,119 juta. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya tidak ada langkah-langkah yang dibuat pada masa sekarang, kemungkinan satu hari nanti Kerajaan pada 20-50 tahun akan datang tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk membayar pencen. Ini adalah satu gambaran yang amat tepat sekali untuk membuktikan bahawa Kerajaan pada hari ini adalah suatu Kerajaan yang bertanggungjawab sebegitu rupa untuk memastikan bahawa kemudahan pencen adalah terjamin.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa berulang kali pihak kami mengatakan kalau ini satu langkah yang boleh mengurangkan beban sehingga pada tahun 2000 sampai \$2.7 bilion akan dibebankan oleh pihak Kerajaan dan seterusnya pihak rakyat. Kalau kita boleh mengurangkan itu memang satu langkah yang betul.

Bukan sahaja Kerajaan Barisan Nasional, pihak kami pun sentiasa sedar mengenai hal seperti ini. Cuma hendak tahu pada peringkat ke peringkat bagaimana amaun itu dapat dikurangkan?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dia sanggup memahami pendirian Kerajaan. (*Ketawa*) Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut peruntukan Akta ini yang dicadangkan masuk tahun 2000 berdasarkan kepada sumber-sumber kewangan yang dicadangkan oleh Akta ini, Kumpulan Wang Amanah ini, dan berdasarkan kepada pulangan pelaburan yang dijangka andaian 10% daripada proses pelaburan tersebut maka, Tuan Yang di-Pertua, masuk tahun 2000 sekadar 41% sahaja adalah "self-financing", 41% sahaja yang akan dibiayai daripada tabung ini. Kemudian kita masuk tahun 2020 . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita harap kita ada pada masa itu.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Ini Kerajaan yang bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tahun 3000 tak sebut.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tahun 2000, saya katakan tadi hanya 41% sahaja akan dibiayai daripada sumber ini. Masuk tahun 2010—69% daripada sumber tabung ini. Dan masuk tahun 2016, kalau pulangan pelaburan 10%, lebih kurang 97% pencen akan dibayar daripada tabung ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita kena tunggu sampai tahun 2016—kadar pulangan pelaburan sebanyak 10% untuk lebih kurang 97% daripada kos pencen dibiayai daripada sumber Kumpulan Wang Amanah Pencen yang kita cadangkan pada hari ini. Jadi, itulah muslihat dan kemungkinan tabung ini menampung

beban kewangan Kerajaan pada hari ini dan juga pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai komposisi Majlis, ingin saya tegaskan di sini bahawa komposisi adalah satu komposisi yang sebenarnya menggambarkan tentang kemampuan dan kepakaran yang ada dalam sektor Kerajaan itu sendiri kerana sumber-sumber kewangan untuk menampung keperluan tabung ini adalah datangnya daripada sumber-sumber Kerajaan.

Jika sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Kepong mengamati bahawa jika sekiranya tidak ada sumber tabung pencen ini, maka sumber untuk membiayai pencen datangnya daripada Kumpulan Wang Disatukan. Maka tanggungjawab terus-menerus adalah pada bahu Kerajaan, amnya dan khususnya kepada pihak Menteri Kewangan. Jadi, oleh kerana Menteri Kewangan bertanggungjawab tentang pembiayaan pencen ini daripada sumber yang ada, iaitu Kumpulan Wang Disatukan untuk dialih kepada sumber tabung pencen maka, Tuan Yang di-Pertua, kepakaran dan tanggungjawab secara langsung kuasa yang diberikan kepada pihak Menteri adalah satu yang wajar dan munasabah.

Mengenai faedah-faedah lain, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama yang ingin saya tegaskan di sini supaya kita mengutamakan dahulu kepentingan matlamat tabung pencen ini. Matlamat yang pertama ialah untuk memastikan bahawa pihak Kerajaan mampu membayar pencen dan jika sekiranya kita masuk satu tahun yang akan datang di mana sumber pencen ini kemampuannya melebihi daripada pembiayaan pencen yang perlu dibayar pada satu-satu tahun mungkin pihak yang bertanggungjawab boleh memikirkan faedah-faedah dan ganjaran-ganjaran yang lain, tetapi yang pertama perlu diutamakan. Tetapi apapun peruntukan undang-undang yang tertulis sehingga kini dalam bentuk

faedah-faedah pencen yang diberikan kepada kakitangan Kerajaan akan ditepati oleh tabung pencen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa kajian yang dibuat agak begitu lama, kesudahannya ialah apa yang dibentangkan di dalam mesyuarat pada hari ini dalam bentuk tabung pencen ini. Ia memerlukan kajian yang mendalam dan Kerajaan membandingkan tentang pendekatan-pendekatan sama ada dalam bentuk penswastan ataupun koperasi. Akhirnya pihak Kerajaan memikirkan inilah yang paling sesuai untuk Kerajaan memikul tanggungjawab membayar pencen kepada kakitangannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya dapat menyentuh sebahagian besar daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai perkara-perkara yang agak terasing seperti lawatan ke Korea Selatan, Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir Ahli Yang Berhormat dari Kepong agak salah sebut, mungkin lawatan itu lawatan tentang perkara-perkara lain. Kalau hendak hantar 118 orang untuk mengkaji tentang tabung pencen adalah tidak manasabah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau boleh saya minta . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Sebagai Ahli Dewan Rakyat, saya memang hendak tahu 118 orang yang dihantar kepada pihak Korea Selatan untuk mengkaji sistem pentadbiran termasuk sistem pencen ini. Itu satu perkara yang penting yang mereka maksudkan perannya yang dimainkan oleh rombongan ini daripada 1984 hingga 1987, sampai empat tahun.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana dia membetulkan dirinya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan mengekalkan sistem pencen untuk memastikan bahawa kakitangan Kerajaan terpelihara semasa mereka di umur yang lanjut dan tidak terbiar apabila mereka bersara dan seterusnya Kerajaan mengekalkan daya tarikan untuk pihak kakitangan Kerajaan terus berkhidmat dalam sektor awam supaya mereka dapat meneruskan khidmat mereka dengan penuh semangat. Wujudnya semangat esprit de corps dalam sektor awam itu sendiri dan dengan cara demikian Kerajaan juga dapat mengatur satu rancangan yang akan dilaksanakan nanti supaya kemudahan pencen ini dapat dikekalkan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas kesempatan untuk menjelaskan perkara yang berbangkit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 18—*

6.26 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Fasal 4 dan 5 masing-masing ialah berhubung dengan penubuhan Kumpulan Wang dan Majlis dan diperhatikan bahawa walaupun ada jawapan dan penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai kuasa Menteri yang dipercayai terpaksa diberi kuasa yang lebih. Saya tidak nampak dia ada jawab mengenai Majlis Panel Pelaburan yang tidak mempunyai wakil kesatuan pekerja seperti CUEPACS dan badan-badan berkanun dan Malaysian Government Pensioners Association.

Tuan Pengerusi, saya hendak menekankan sekali lagi kerana kepentingan merekalah yang terlibat maka wajarlah bagi mereka diwakili di dalam Majlis dan Panel tersebut dan juga di kedua-dua Majlis dan Panel Pelaburan sekarang masing-masing mempunyai 10 dan 6 orang ahli iaitu angka genap. Apakah yang akan terjadi bila terdapat pembahagian undi 50:50?

Jika ditambah pula wakil dari CUEPACS dan Malaysian Government Pensioners Association dan badan-badan berkanun mungkin angka bilangan ahli tidak lagi genap tetapi ganjil. Maka tidak wujud keadaan pembahagian undi 50:50 itu. Mungkin pihak yang berkenaan tidak nampak bahawa 10 dan 6 penting tetapi di dalam membuat keputusan, angka ganjil yang lebih tepat. Ini saya hendak bantulah, hendak tolong Majlis dan Panel ini boleh dijalankan dengan lancar. . . . (*Disampuk*) Nampaknya Yang Berhormat Arau dan Padang Terap itu kurang faham mengenai angka seperti ini, kerana bila kita membuat keputusan, memang angka yang ganjil.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah, biar Timbalan Menteri menjawab. Jangan

menghirau kepada Arau itu. Apa lagi berkenaan dengan fasal ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Fasal 6 peruntukan Jadual Pertama terpakai.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak menyentuh tentang kandungan Jadual Pertama iaitu penzahiran kepentingan di mana seseorang anggota Majlis dan Panel Pelaburan yang mempunyai apa-apa kepentingan kewangan dalam sesuatu skim, projek ataupun keusahawanan yang diusaha ataupun disyorkan oleh Majlis dan Panel, anggota dikehendaki dengan serta-merta menyatakan kepada Menteri secara bertulis bentuk dan takat kepentingan dalam skim, projek atau keusahawanan dan apa-apa perubahan yang kemudiannya mengenai bentuk dan takat kepentingan itu.

Tuan Pengerusi, syarat ini masih tidak mencukupi. Sebaik-baiknya Ahli berkenaan harus ditegah daripada membuang undi untuk membuat ketetapan melabur dalam skim, projek atau keusahawanan yang sedang dicadangkan itu. Ini perkara yang sangat penting, kerana anggota-anggota di dalam Majlis dan Panel ini memang mempunyai kepentingan masing-masing dan kalau mereka terlibat dengan sesuatu projek dengan amaun yang besar maka dibenarkan membuat keputusan lagi di dalam Majlis ataupun Panel itu. Ini akan mungkin akan menimbulkan pertikaian. Jika Kerajaan mementingkan untuk menjaga imej Perkhidmatan Awam . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, nanti sekejap Yang Berhormat.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila kemukakan usul untuk sambung mesyuarat sehingga selesai Rang Undang-undang ini.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.29 ptg.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Pencen telah diputuskan dan diluluskan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diputuskan dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Pencen telah diputuskan dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH PENCEN

Dewan bersidang dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat dari Kepong.

6.32 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sambung kepada peruntukan Jadual Pertama yang terpakai itu jika Kerajaan mementingkan menjaga imej perkhidmatan awam dengan cadangnya mengenakan peraturan larangan kakitangan yang bersara daripada menerima perlantikan atau memiliki ekuiti dalam syarikat-syarikat yang pernah berurusan dengan Jabatan mereka. Begitu juga pesara perlu mengesyorkan kepentingan mereka dalam pengurusan Kumpulan Wang Amanah terpelihara dan tidak terjejas oleh kepentingan mana-mana orang anggota Majlis atau Panel Pelaburan.

Tuan Pengerusi, Fasal 8, wang yang dikehendaki dibayar ke dalam Kumpulan Wang. Di bawah Fasal ini pula, Kerajaan hanya memperuntukkan wang ke dalam Kumpulan Wang dari semasa ke semasa. Mengapakah caruman bulanan tidak dibuat seperti mana dicadangkan oleh pihak CEUPACS, iaitu setiap bulan Kerajaan mencarumkan sejumlah sama dengan 17.5% daripada jumlah besar gaji bulanan seseorang kakitangan awam ke dalam Kumpulan Wang. Caruman bulanan, Tuan Pengerusi, yang mungkin akan difikir dan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Apakah faktor-faktor yang akan menentukan bila mana serta nilai sumbangan akan dibuat oleh Kerajaan ke dalam Kumpulan Wang ini? Itu pun tidak disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini dan buat permulaannya, apakah jumlah wang yang akan disumbangkan oleh Kerajaan kepada Kumpulan Wang? Apakah ini di antara bentuk-bentuk sumber lain yang mungkin diluluskan oleh Menteri untuk dicarumkan kepada Kumpulan Wang?

Tuan Pengerusi, Fasal 9, penggunaan wang Kumpulan Wang. Bilakah Kumpulan Wang akan berupaya berfungsi menyumbangkan kepada pembayaran pencen dan ganjaran kepada kakitangan Kerajaan yang bersara. Saya nampak ada jawapan lima tahun akan datang dan berhubung dengan pembiayaan bayaran lain-lain faedah kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan pekerja-pekerja pihak berkuasa berkanun dan tempatan. Adakah ini juga merangkumi kakitangan awam yang masih belum bersara?

Bahagian fasal ini tidak jelas mengatakan sama ada faedah yang dimaksudkan adalah diberi semata-mata kepada kakitangan awam yang bersara atau juga kepada mereka yang masih berkhidmat dengan Kerajaan. Jika mereka yang masih berkhidmat juga menerima faedah daripada Kumpulan Wang, ini kurang adil kepada para pesara kerana Kumpulan Wang adalah bagi mereka yang bersara dan bukan untuk menampung apa-apa bayaran faedah yang Kerajaan telah berjanji kepada kakitangan awam yang masih berkhidmat.

Tuan Pengerusi, Fasal 10 pelaburan wang Kumpulan Wang. Adakah pinjaman-pinjaman yang diberi kepada pihak berkuasa atau perbadanan awam akan dijamin oleh Kerajaan sendiri? Apakah maksud khususnya rangkaikata "mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang" (Fasal 10)? "Mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang" apakah maksudnya? Bolehkah Fasal 10(2) melemahkan penguatkuasaan Fasal 10(1)(c) dan (d) terutama sekali dalam aspek "terma yang menguntungkan Kumpulan Wang"?

Tuan Pengerusi, sekiranya pihak berkuasa atau perbadanan awam yang menerima pinjaman daripada Kumpulan Wang menghadapi kesulitan membayar

balik wang tersebut, maka bukankah ini bererti Kerajaan terpaksa menanggung beban kewangan yang lebih berat daripada skim tersedia ada? Apakah syor-syor yang Menteri boleh mengenakan ke atas pinjaman kepada pihak berkuasa atau perbadanan awam bagi mengelakkan berlakunya perkara sebegini?

Tuan Pengerusi, bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada keutamaan akan diberi kepada pemberian pinjaman kepada pihak berkuasa serta perbadanan awam selagi had 20% daripada aset boleh lupus Kumpulan Wang masih belum dicapai atau pelaburan dalam skim-skim lain seperti mana diperuntukkan di bawah Fasal 10(1)(f).

Tuan Pengerusi, bagi pelaburan di bawah Fasal 10(1)(f), apakah jenis-jenis pelaburan yang akan dibenarkan? Apakah pula skim projek-projek atau keusahawanan yang dirujuk dalam Jadual Pertama (Seksyen 6) di bawah penzahiran kepentingan? Apakah kemungkinan pesara diberi keutamaan untuk dilantik untuk digaji semula atau pekerja dalam skim projek atau keusahawanan yang diluluskan oleh Kumpulan Wang?

Tuan Pengerusi, Kerajaan pernah melahirkan hasrat . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap dasar itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Bukan dasar sahaja, ini memang penting.

**Seorang Ahli:** Dasar, dasar!

**Tuan Pengerusi:** Dasar itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang penting, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Pentinglah, tetapi dasar itu!

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, ini bukan dasar, misalnya “terma menguntungkan Kumpulan Wang”, apakah maksud, apakah yang diertikan?

**Tuan Pengerusi:** Itu dasar.

**Dr Tan Seng Giaw:** Itu bukan dasar, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya memutuskan dasar, ya . . . . (*Disampuk*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi putuskan dasar, saya pun terpaksa terima. (*Disampuk*)

**Seorang Ahli:** Barulah tahu!

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya mengikut peraturan.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan. Yang Berhormat, sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, itu hujah-hujah saya mengenai fasal-fasal tersebut, memang satu perkara yang saya berharap akan dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana ini menjejaskan beratus-ratus ribu orang. Saya tidak akan berasa hairan kalau di dalam dua tiga tahun atau lima tahun akan datang, dia akan membentangkan pindaan ke atas Rang Undang-undang ini, kerana ada kesalahan, kesilapan dan kecuaiian yang mungkin berlaku.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Menteri menjawab.

6.39 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut lagi sekali tentang komposisi ahli Majlis Pemegang Amanah bahawa Tabung ini diwujudkan oleh Kerajaan daripada sumber kewangan Kerajaan, tanggungjawab Menteri Kewangan dan

dari segi pentadbirannya diserahkan kepada Jabatan Akauntan Negara. Maka, Tuan Pengerusi, senarai ahli-ahli Majlis adalah menepati dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan Tabung Pencen ini yang saya sebutkan sebentar tadi. Maka, jika sekiranya hendak dimasukkan wakil-wakil daripada pekerja, ia merupakan keahlian yang terkeluar daripada sifat-sifat yang telah saya sebutkan yang menyebabkan wujudnya Tabung Pencen ini.

Tuan Pengerusi, mengenai jumlah yang genap, saya minta supaya Ahli Yang Berhormat dari Kepong merujuk kepada Jadual Pertama, perenggan 4(2) di mana disebut di situ—bahawa “Pengerusi dan dua orang anggota lain Majlis ataupun Panel Pelaburan adalah muncukupi kuorum di sesuatu mesyuarat Majlis atau Panel Pelaburan itu.” Dan 4(3), “Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Majlis dan Panel Pelaburan hendaklah menetapkan prosedurnya sendiri.”

Tuan Pengerusi, saya rasa itu menjawab kecurigaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang jumlah yang genap dalam kandungan Majlis dan juga Panel Pelaburan.

Mengenai sumber-sumber kewangan, ingin saya maklumkan di sini bahawa daripada sumber yang pertama daripada setahun ke setahun yang dicadangkan ialah \$500 juta. Daripada sumber kedua, ialah \$60 juta iaitu sumbangan Kerajaan kepada KWSP untuk caruman KWSP pekerja-pekerja Kerajaan yang belum lagi diletakkan sebagai taraf berpencen dan daripada sumber (c) ialah nilainya sebanyak \$160 juta tahun demi tahun daripada sumbangan yang diberikan oleh pihak badan-badan berkanun.

Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 10 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, tidak ada jaminan daripada pihak Kerajaan. Terma yang dimaksudkan ialah untuk memastikan

bahawa pelaburan itu membawa faedah yang bermakna kepada Tabung dan sambil itu pula terpelihara daripada risiko-risiko yang tidak perlu ditampung oleh pihak Tabung.

Tuan Pengerusi, sama ada 10(1) dan 10(2) berlawanan, ingin saya menegaskan di sini bahawa peranan Menteri bukanlah untuk memberi arahan yang tertentu, peranan Menteri adalah dari segi dasar keseluruhannya. Oleh yang demikian apa jua peruntukan untuk perkara yang dilaksanakan oleh pihak Majlis dan Panel khususnya dengan pihak Menteri adalah menguatkan antara satu dengan yang lain.

Tuan Pengerusi, saya pun telah menjawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, bila agaknya Tabung ini akhirnya menjadi self financing, saya telah sebutkan tentang

unjuran-unjuran yang mungkin boleh menjadi panduan bila akhirnya Tabung ini akan menjadi, dengan izin, self financing untuk pembiayaan pencen.

*Fasal 1 hingga 18* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.48 petang.*